

•*4!*- PARLIMEN
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 22 MARCH 2011

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TID AK DAPAT DIJAWAB DID ALAM DE WAN
(SOALANNO. 2,7,11 HINGGA 69)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3 HINGGA 6, 8, 8,10

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

 MARANG]

TARIKH 22 **MAC** 2011 (**SELASA**)

SOALAN NO. 2

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara jelas apakah Kerajaan mempunyai satu sistem insentif untuk sukan yang melibatkan pelbagai jenis sukan seperti bola sepak, badminton, sepak takraw dan sebagainya. Apakah kriteria-kriteria yang digunakan dalam melunaskan insentif yang pelbagai ini.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan sistem insentif yang dikenali sebagai **Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM)** sejak tahun 1986, **Skim Hadiah Kemenangan Atlet Remaja (SHAKAR)** 1988 dan **Skim Insentif Sukan Olimpik (SISO)** 2004. Skim ini memberi insentif dalam bentuk hadiah kewangan kepada atlet-atlet dari semua jenis sukan yang memenangi pingat di temasya sukan seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.
2. Bagi SHAKAM, skim ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Kategori A dan Kategori B. Kategori A merujuk kepada TEMASYA SUKAN yang utama seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Manakala Kategori B merujuk kepada kejohanan individu setiap sukan. Bagi kategori A, terbahagi kepada 3 kategori yang merujuk kepada A1 (Sukan Olimpik), A2 (Sukan Komanwel dan Asia) dan A3 (Sukan ASEAN). Bagi

SULIT

Sukan Olimpik, pihak kerajaan telah menaikkan Nilai Hadiah Kemenangan daripada RM180,000.00 untuk pingat emas kepada RM 1 Juta pada tahun 2008 untuk memberikan motivasi kepada atlet kebangsaan pada Temasya Sukan Olimpik 2008 di Beijing China. Untuk sukan Komanwel dan Sukan Asia, sebanyak RM80.000.00 diberikan kepada pemenang pingat emas manakala Sukan ASEAN RM10,000.00 untuk pingat emas.

3. Insentif Khas juga diperkenalkan dengan menyediakan sebanyak RM10 ribu, RM10 ribu dan RM1 ribu masing-masing bagi Sukan Olimpik, Sukan Asia, Komanwel dan Sukan SEA bagi mana-mana atlet yang berjaya memecahkan rekod kejohanan. Mengenai kriteria yang diguna pakai dalam melunaskan insentif tersebut adalah di bawah seliaan Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara. Di samping itu, kerajaan negeri dan pihak swasta juga ada menyediakan insentif kepada atlet-atlet yang cemerlang.
4. Semenjak diperkenalkan jumlah SHAKAM yang telah diberikan adalah sebanyak RM24.2 juta, SHAKAR RM3 Juta dan SISO RM230 ribu dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM27.5 juta telah dibelanjakan dan ianya dikecualikan cukai oleh Kerajaan. Selain tiga jenis insentif tersebut, Kementerian turut menyediakan **Skim Galakan Jurulatih (SGAR)**, 1990 dengan jumlah peruntukan RM4.4 juta dan **Skim Kecemerlangan Pengurusan Sukan (SIKAP)**, 1991 berjumlah RM2.1 juta menjadikan jumlah keseluruhan insentif yang disediakan sebanyak **RM35 juta** semenjak ia diperkenalkan.

NO. AUM : 15

NO. AUP : q

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

SULIT

DARIPADA DATUK TIONG THAI KING [LANANG]

TARIKH 22 MAC 2011

RUJUKAN 3396

SOALAN:

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian mengkaji semula untuk memberi layanan visa ketibaan kepada warga Taiwan memandangkan pelabur Taiwan menyumbangkan pelaburan asing yang besar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Lanang yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menghidupkan kembali visa ketibaan. Bagi rakyat Taiwan, Kerajaan telah bersetuju untuk mengecualikan visa selama 15 hari kepada pemegang pasport biasa Taiwan yang masuk untuk tujuan melancong.

Bagi memperkemaskan rekod keluar masuk pelancong, Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk memperkenalkan Kad Visa kepada rakyat Taiwan iaitu Kad Visa ini diberikan semasa tiba di pintu masuk dan diendos di atas Kad berkenaan setiap kali pelawat berkenaan memasuki Malaysia. Diharap inisiatif ini akan mempercepatkan proses kemasukan pelancong di pintu - pintu

masuk utama Malaysia.

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[SIBUTI]

TARIKH : 22 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan setakat ini berapa jumlah Netbook 1 Malaysia telah diagihkan dan adakah pihak Kementerian telah membuat kajian dan mengambil respon rakyat mengenai pemberian Netbook 1 Malaysia ini, adakah pelajar yang menerima benar-benar mendapat talian Broadband seperti yang dijanjikan terutama di kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengagihan Komputer 1 Malaysia dilaksanakan secara berperingkat. Dalam Fasa 1, sebanyak 115,000 unit komputer telah diagihkan kepada pelajar-pelajar sekolah yang tinggal berdekatan dengan Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK). Akses jalur lebar yang ditawarkan adalah melalui jalur lebar tanpa wayar

SOALAN NO: 11

(wifi) yang disediakan di sekitar PJK selain daripada langganan komersial yang disediakan oleh mana-mana pemberi perkhidmatan jalur lebar di sekitar kawasan kediaman masing-masing.

Bagi memastikan penerima komputer 1 Malaysia untuk fasa-fasa berikutnya dapat mencapai perkhidmatan jalur lebar, beberapa program/projek sedang dilaksanakan untuk memperluaskan liputan jalur lebar di sekitar kawasan yang telah dikenal pasti. Antaranya adalah pelaksanaan program Kampung Tanpa Wayar, penambahan Pusat Telekomunikasi Jalur Lebar iaitu Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan Perpustakaan Jalur Lebar (PJL), serta pembinaan menara telekomunikasi di kawasan-kawasan yang kurang liputan.

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga sedang merancang untuk mengadakan satu kajian impak bertujuan untuk:

- (i) mendapatkan maklumbalas dari penerima Komputer 1 Malaysia dan orang awam tentang proses pengagihan dan tatacara pemilihan penerima komputer;**
- (ii) mengkaji tahap kepenggunaan Komputer 1 Malaysia oleh penerima termasuk capaian kepada perkhidmatan Internet jalur lebar;**
- (iii) mengkaji kesan penggunaan Komputer 1 Malaysia kepada penerima terutama dalam tahap pencapaian akademik dan peningkatan gaya hidup; dan**
- (iv) mengkaji kesan terhadap industri ICT terutama dari segi perkhidmatan jualan, baik pulih dan pembekalan peralatan dan perisian hasil dari pelaksanaan projek pengagihan Komputer 1 Malaysia ini.**

Soalan No : 12

BADAK (LUBOK ANTU)

TARIKH : 22 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Tuan William @ Nyallau Anak Badak minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak tentang beban dan tanggungan ibu bapa yang berpendapatan rendah membayar asuhan kanak-kanak (nursery) yang mencecah RM500 sebulan bagi setiap orang anak dan sekiranya ada, apakah perancangan Kementerian untuk membantu golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa yang berpendapatan rendah menghadapi pelbagai cabaran dalam membayar yuran asuhan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, pemerhatian yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mendapati bahawa secara purata kadar yuran asuhan kanak-kanak di kebanyakan TASKA, termasuk TASKA Rumah adalah dalam lingkungan RM200.00 hingga RM300.00 sebulan bagi seorang anak. Kadar sebanyak RM500.00 sebulan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat

kemungkinan merujuk kepada pengendali TASKA Institusi yang menawarkan pelbagai perkhidmatan tambahan dan selalunya TASKA jenis ini menjadi pilihan golongan berpendapatan menengah dan tinggi. Justeru, golongan yang berpendapatan rendah mempunyai pilihan untuk menghantar anak mereka ke TASKA yang mengenakan yuran yang mampu dibayar.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi keluarga yang berpendapatan rendah, Kerajaan menyediakan subsidi yuran pengasuhan sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang anak. Subsidi ini diberikan kepada ibu bapa yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan RM1,200.00 untuk kawasan luar bandar yang menghantar anak mereka ke TASKA Komuniti.

Bagi menggalakkan penubuhan TASKA Komuniti di kawasan kediaman, Kerajaan telah memperuntukkan geran pelancaran sebanyak RM55,000.00 kepada pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat setempat yang menubuhkan TASKA Komuniti. Kerajaan turut menyediakan geran penyelenggaraan sehingga RM64,000.00 setahun bagi tujuan membiayai kos operasi TASKA Komuniti ini. Setakat ini, sebanyak 32 buah TASKA Komuniti telah ditubuhkan. Di bawah

Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan akan membuka lebih banyak TASKA sedemikian di bawah konsep TASKA 1 Malaysia.

Bagi sektor awam, Kerajaan menyediakan subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai dan kakitangan yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan dan menghantar anak mereka ke TASKA di tempat kerja.

Dalam hal ini, KPWKM menyeru anggota masyarakat supaya memanfaatkan insentif yang disediakan oleh Kerajaan dengan menubuhkan lebih banyak TASKA Komuniti. Justeru, golongan berpendapatan rendah boleh menghantar anak mereka ke TASKA Komuniti dan seterusnya menikmati subsidi yuran pengasuhan yang disediakan.

SOALAN 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

Y.B. DATUK CHUA SOON

BUI [TAWAU]

PERTANYAAN

22 MAC 2011

DARIPADA

Meminta

MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

TARIKH

SOALAN

- (a) Bilakah peruntukan RM100 juta bagi Resort Nexus Karambunai untuk pelancongan eko di Sabah akan dilaksanakan dan siap disediakan. Apakah ciri-ciri projek-projek yang terlibat; dan
- (b) Apakah rasional projek-projek sedemikian apabila ada pertikaian di mahkamah atas tanah yang terlibat.

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan RM100 juta bagi Projek Membangunkan Resort Eko-Semula Jadi Bersepadu (*Eco-nature Intergrated Resort*) di Sabah disediakan dibawah Dana Mudah Cara (*Facilitation Fund*) dimana pihak pemaju projek berkenaan perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan sebelum peruntukan tersebut dapat disalurkan kepada pihak pemaju berkenaan. Projek ini dijangka mula pada tahun 2011 dan disiapkan menjelang tahun 2018.

Projek ini bakal memaparkan ciri-ciri pembangunan hijau, kegunaan tenaga yang cekap dan boieh diperbaharui, amalan- amalan kitar semula, pengangkutan berasaskan elektrik, mempamerkan biodiversiti Sabah menerusi sebuah pusat pendidikan bakau serta pembinaan taman tema air, padang golf, hotel, kondominium/apartment/villa, premis komersial, pusat persidangan dan pameran, kampus hospitaliti, peranginan kesihatan dan lain-lain kemudahan insfrastruktur pelancongan.
Tuan Yang di-Pertua,

Pihak pemaju projek berkenaan dikehendaki memastikan setiap komponen yang dicadangkan bagi projek ini akan dilaksanakan di atas tanah yang dimiliki oleh syarikatnya dan tidak melibatkan tanah-tanah yang dipertikaikan di mahkamah.



SJ.B/(101)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B DATO' SRI IR. ONG TEE KEAT
(PAN DAN)**

PERTANYAAN

**LISA
N**

TARIKH

22.03.2011

**Y.B Dato' Sri Ir. Ong Tee Keat
KEWANGAN menyatakan:-**

[Pandan] minta MENTERI

- (a) Mengapa kemudahan kredit-mikro melalui Program TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) masih belum diperluaskan kepada semua warganegara agar sejajar dengan gagasan 1 Malaysia; dan**
- (b) Apakah amalan yang berkenaan akan berubah. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

TEKUN Nasional yang ditubuhkan pada 9 November 1998 adalah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)

yang melaksanakan program Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Program ini diwujudkan bagi membantu usahawan Bumiputera yang ingin memulakan dan meningkatkan perniagaan melalui pinjaman perniagaan dan khidmat sokongan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program TEKUN Nasional adalah khas untuk Bumiputera. Walaubagaimanapun, pada tahun 2007, Kerajaan melalui peruntukan khas, Pembasmian Kemiskinan RMKe-9, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan pinjaman kepada Bukan Bumiputera melalui Skim Pembiayaan Usahawan Muda India (SPUMI). Melalui skim ini, TEKUN Nasional telah diberi peruntukan sebanyak RM34.5 juta bagi menyediakan pinjaman kepada usahawan-usahawan belia India untuk menceburi bidang keusahawanan. Sehingga 31 Januari 2011, TEKUN Nasional telah meluluskan 2,051 pinjaman bernilai RM 16.3 juta kepada belia India.

Berteraskan gagasan 1 Malaysia, mulai April 2010 TEKUN Nasional telah memberikan pinjaman khas kepada 44 orang kaum Cina yang telah memohon pinjaman berjumlah RM727.000. Pinjaman yang disalurkan ini adalah dari dana khas dalaman TEKUN Nasional.

Tuan Yang di-Pertua,

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah ditubuhkan pada 17 September 1987, bertujuan untuk menyediakan kemudahan mikro kredit kepada

semua warganegara Malaysia yang layak iaitu isirumah termiskin dan miskin yang berada di bawah garis kemiskinan tanpa mengira kaum dan agama. Sejak mula ditubuhkan sehingga 31 Disember 2010, AIM telah mengeluarkan pinjaman kepada 253,631 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak RM4,831 juta. Daripada jumlah tersebut RM4.025.5 juta kepada 193,303 orang Melayu, RM446 juta kepada 42,959 orang Bumiputera Sabah, RM333.6 juta kepada 12,851 orang Bumiputera Sarawak, RM14 juta kepada 2,598 orang India, RM3 juta kepada 509 orang Cina, RM3 juta kepada 495 Orang Asli dan RM5.6 juta kepada 916 lain-lain.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN)
TARIKH	22.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta Perdana Menteri menyatakan sejak beberapa dekad ini penggunaan tulisan jawi sudah kurang atau merosot penggunaannya. Adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan pengajaran dan penggunaan jawi di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat menitikberatkan penguasaan murid-murid sekolah dalam tulisan jawi. Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh KPM sebagai usaha memperkasa tulisan jawi adalah seperti berikut:

- i. Pelajaran jawi diajar satu waktu seminggu bermula Tahun Satu sehingga Tahun Enam;**
- ii. mewujudkan Kelas Pemulihan Jawi dalam Program j-QAF bagi memulihkan murid-murid yang belum menguasai tulisan jawi;**
- iii. menubuhkan kelab jawi di sekolah rendah;**

menggunakan sisipan akbar Utusan Malaysia dalam bilik darjah sebagai bahan bantu mengajar;

menyediakan soalan-soalan peperiksaan dalaman bagi mata pelajaran Pendidikan Islam; dan

penerbitan Buku Teks Pendidikan Islam dalam tulisan jawi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB Lisan

DARI PAD A

: TUAN TENG BOON

SOON [TEBRAU]

TARIKH

: 22 Mac 2011 (Selasa)

SOALAN

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah langkah diambil untuk melegakan ketakutan rakyat yang berpunca daripada pembinaan menara telekomunikasi di kawasan perumahan yang dipercayai akan menjejaskan kesihatan penduduk persekitaran. Apakah Kementerian mempunyai alternatif lain supaya menara telekomunikasi tidak perlu dibina di kawasan perumahan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap pembinaan menara telekomunikasi di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan perumahan. Pendedahan elektromagnet adalah mengikut tahap pendedahan yang telah dibangunkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Sinaran Tak Mengion (*International Commission on Non-Ionising Radiation Protection, ICNIRP*) yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Mengikut garis panduan ICNIRP, tahap pendedahan kepada umum adalah pada kadar 41.25V/m pada 900MHz sehingga 61V/m pada 2,100MHz. Frekuensi di antara 900MHz sehingga 2,100MHz ini merupakan frekuensi yang digunakan bagi sistem telefon bimbit bagi generasi ke-2 dan generasi ke-3. Garis panduan ini juga diguna pakai oleh banyak negara termasuklah Australia, New Zealand, United Kingdom dan Singapura.

Sebagai tindakan tambahan bagi melegakan ketakutan dan kegusaran rakyat, Kementerian ini bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah mengambil beberapa langkah lain seperti:

- i. Menjalankan ujian terhadap menara dan struktur sistem pemancar berpandukan standard pendedahan menggunakan peralatan pengujian yang dikalibrasi dari masa ke semasa. Usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan seperti

SOALAN NO: 17

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang merupakan agensi yang paling layak ketika ini bagi menjalankan pengujian tersebut;

- ii. Menjalankan dialog dan forum secara berterusan bagi menerangkan perkara sebenar berkenaan radiasi elektromagnet kepada masyarakat; dan**
- iii. Bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menguatkuasakan “Garis panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002” di mana SKMM adalah salah satu dari ahli jawatankuasa teknikal bagi kelulusan menara telekomunikasi dalam kawasan pihak berkuasa tempatan.**

Selain daripada itu, Kerajaan dengan kerjasama syarikat talian tetap Telekom Malaysia telah membangunkan dan mempromosikan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (High Speed Broadband, HSBB) yang menggunakan teknologi gentian optik terus ke kediaman yang memungkinkan alternatif kepada jalur lebar wayarles.

(t

PEMBERITAHUAAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING
JAYA UTARA]**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 22.03.2011

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan asas dan proses penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang, yang dilaporkan bahawa Kabinet telah memutuskan secara prinsip untuk ditawarkan kepada syarikat berkaitan dengan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bokhary. Apakah syarat-syarat penting dalam penswastaan ini.

JAPAWAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Penang Port Sdn Bhd (PPSB) adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 7 Disember 1993 untuk mengendalikan aktiviti Pelabuhan Pulau Pinang. PPSB dikenal pasti sebagai syarikat yang berpotensi untuk diswastakan dalam inisiatif gelombang kedua penswastaan.

2. Sehingga kini, Kerajaan masih belum memutuskan untuk menjual ekuitinya dalam PPSB kepada mana-mana pihak kerana masih sedang menyemak beberapa kertas cadangan penswastaan daripada pelabur asing dan tempatan. Antara perkara-perkara penting yang dipertimbangkan dalam penswastaan PPSB adalah mengenai pulangan yang terbaik kepada Kerajaan, kepentingan Kerajaan menerusi perkhidmatan strategik negara dapat terus dipelihara, usaha untuk

mewujudkan *business synergy* bagi meningkatkan kecekapan operasi PPSB dan pemulihan prestasi kewangan PPSB supaya dapat bersaing sebagai salah satu pengendali perkapalan yang terbesar di Utara Semenanjung Malaysia.

SJ.B/(106)

SOALAN19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISA**
DARIPADA **N**
TARIKH **Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO**
SOALAN **MICHAEL TOYAD [MUKAH]**
22 MAC 2011
Meminta MENTERI
PELANCONGAN menyatakan

Berapakah peruntukan untuk Sabah dan Sarawak untuk program peningkatan kemudahan pelancongan di kedua-dua negeri tersebut.

SOALAN : 20

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), sebanyak RM169.5 juta telah diperuntukkan bagi peningkatan kemudahan pelancongan di Sarawak, manakala sebanyak RM59.8 juta telah diperuntukkan bagi negeri Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), sebanyak RM23.2 juta (*First Rolling Plan*) telah diperuntukkan bagi negeri Sarawak dan sebanyak RM24.5 juta bagi negeri Sabah.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT

PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A TUAN MOHSIN FADZLI BIN

HAJI SAMSURI(BAGAN SERAI)

TARIKH 22 MAC 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah bayaran bil elektrik lampu jalan di kampung dari tahun 2008 hingga kini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan pelaksanaan program Lampu Jalan kampung (LJK) ialah untuk menceriakan kawasan liputan supaya kegiatan ekonomi, sosial dan riadah dapat dijalankan pada waktu malam dengan selesa dan selamat. Pelaksanaan program LJK dilakukan secara berperingkat-peringkat bermula tahun 2002 hingga kini. Skop UK melibatkan pemasangan sehingga maksima 10 unit lampu jalan bagi setiap buah kampung dengan keutamaan pemasangan di hadapan bangunan awam

seperti balai raya, rumah ibadat (surau, masjid) serta di persimpangan jalan. Kos operasi dan penyenggaraan LJK akan ditanggung oleh Kerajaan secara berterusan.

Berdasarkan kepada 168,825 unit UK yang telah siap di pasang di seluruh negara, Kerajaan membelanjakan sejumlah RM70,476,795.10 dari tahun 2008 hingga 2010.

Soalan No: 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)

TARIKH : 22.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru mengikut gred dan jawatan dari Semenanjung ke Sabah dan sebaliknya. Apakah perbezaan elaun rumah dan sara hidup bagi kedua-dua wilayah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan tidak mengabaikan perihal kebajikan warga pendidikan termasuklah golongan guru yang memainkan peranan utama dalam menjana pembangunan modal insan yang berkesan. Untuk makluman, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berasal dari Sabah dan berkhidmat di Semenanjung menerima elaun dan kemudahan yang sama seperti

mana yang dinikmati oleh PPP dari Semenanjung yang berkhidmat di negeri Sabah kerana mereka dikategorikan sebagai pegawai yang bertukar wilayah iaitu bermaksud pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya.

Pegawai Perkhidmatan Awam termasuk PPP layak menerima elaun perumahan iaitu sama ada Imbuan Tetap Perumahan (ITP) atau Elaun Perumahan Wilayah (EPW). Pegawai hanya layak menerima salah satu sahaja kerana konsep pemberian elaun adalah sama iaitu imbuan berbentuk kemudahan perumahan. Kadar ITP adalah berdasarkan gred pegawai iaitu di antara RM180 bagi gred 1 - 40 sehingga RM900 bagi gred 53 - 54.

Pemberian EPW kepada pegawai yang bertukar wilayah pula adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001. Penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan di mana terletak pejabat pegawai serta gred pegawai. Kawasan bandar hendaklah berpandukan kepada kawasan yang diwartakan sebagai kawasan pihak berkuasa tempatan berkenaan. Kadar EPW adalah berbeza mengikut gred dan tempat di mana seseorang PPP itu bertugas dan bukannya berdasarkan negeri asal seseorang PPP tersebut.

Bagi bantuan sara hidup pula, Pegawai Perkhidmatan Awam termasuk PPP layak menerima sama ada Bayaran Sara Hidup (BSH) atau Bayaran Insentif Wilayah (BIW). Pegawai dari Semenanjung yang berkhidmat di Semenanjung layak menerima BSH mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007 dengan kadar sebanyak RM300 sebulan bagi kawasan A, RM200 sebulan bagi kawasan B dan RM100 sebulan bagi kawasan lain yang ditetapkan dalam Pekeliling berkenaan. Manakala pegawai awam yang berkhidmat di Sabah serta pegawai yang bertukar wilayah layak menerima BIW berdasarkan syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988. Kadar pemberian BIW yang dipinda di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2007 adalah berdasarkan lingkungan gaji seseorang pegawai iaitu dengan kadar 25% daripada gaji bagi lingkungan gaji RM841.89 dan ke bawah dan 12.5% daripada bagi lingkungan gaji RM5565.61 dan ke atas. Secara

umumnya, pemberian BIW juga dilihat lebih menarik jika dibandingkan dengan BSH kerana jumlah bayaran tersebut akan meningkat setiap tahun berdasarkan kepada pergerakan gaji seseorang pegawai tersebut. Rjm 45

0

SJ.B/(43)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 22.03.2011

Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemilik kenderaan lama dan motosikal yang terpaksa membayar caj tambahan (*loading*) semasa membeli third-party insurans sehinggakan jumlah yang dibayar oleh mereka telah bertambah lebih daripada dua kali ganda.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada awal tahun 2011 Kerajaan telah bersetuju terhadap pelaksanaan rangka kerja perlindungan motor baru untuk menangani isu kadar premium yang tinggi dan kesukaran orang ramai untuk mendapatkan perlindungan insurans motor.

2. Antara ciri-ciri utama rangka kerja ini ialah:

- (i) pelaksanaan segera penambahbaikan bagi mempercepatkan lagi proses penyelesaian tuntutan motor;**
- (ii) fleksibiliti dalam peraturan pengunderaitan Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP) agar pemilik kenderaan lebih mudah mendapat perlindungan insurans motor dengan kadar premium yang berpatutan;**
- (iii) penyelarasan kadar premium insurans motor secara beransur-ansur selama 4 tahun berkuat kuasa 1 Januari 2012; dan**
- (iv) penubuhan jawatankuasa kerja bersama (JKK).**

3. Bank Negara Malaysia (BNM) telah menubuhkan JKK berkenaan yang dipengerusikan oleh BNM dan dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Pihak Kehakiman, serta lain-lain pihak yang terlibat dalam proses penyelesaian tuntutan perlindungan motor seperti industri insurans dan takaful, persatuan pengguna dan Majlis Peguam Negara. Perjumpaan pertama JKK akan diadakan pada awal bulan April 2011 sebagai langkah susulan bagi memastikan inisiatif-inisiatif untuk mempercepatkan lagi proses tuntutan motor insurans dilaksanakan serta-merta.

4. Pada masa yang sama, BNM sedang berbincang dengan industri insurans untuk mengkaji semula peraturan-peraturan MMIP yang boleh dilaksanakan dengan kadar segera seperti kajian semula faktor

pengunderaitan dan penambahan dalam bilangan penanggung insurans yang menawarkan perlindungan MMIP. Dengan kajian semula peraturan pengunderaitan MMIP, adalah dijangka bahawa kenderaan lama yang tidak tergolong dalam kenderaan berisiko tinggi tidak akan dikenakan premium tambahan. Namun begitu, premium yang bakal dikenakan masih tertakluk kepada profil risiko kenderaan serta pengalaman tuntutan pemilik kenderaan tersebut. Oleh itu, premium bagi kenderaan yang benar-benar berisiko tinggi akan kekal dicaj *loading* MMIP seperti sedia kala.

5. Penyelarasan premium adalah perlu memandangkan kadar Tarif Motor tidak pernah dikaji semula selama lebih 30 tahun dan dijangka akan memberi impak yang sangat minimum kepada golongan yang berpendapatan rendah memandangkan jumlah penyelarasan adalah kecil dan akan dilaksanakan secara beransur-ansur. Bagi perlindungan pihak ketiga, penunggang motosikal 110 cc akan dikenakan premium tambahan antara RM1.00 dan RM3.50 setahun (maksimum 30 sen sebulan) bagi tempoh 4 tahun.

6. Bagi kereta persendirian 1400 cc pula, kenaikan premium adalah di antara RM6.00 dan RM34.00 setahun (maksimum RM2.80 sebulan) dalam tempoh masa yang sama. Untuk kenderaan komersial seperti teksi dan bas, impak kenaikan premium adalah sangat minima iaitu dianggarkan kurang daripada 10 sen bagi setiap penumpang. Untuk kenderaan seperti teksi sewa dan pandu yang mempunyai pengalaman tuntutan yang baik, golongan ini mungkin menikmati pengurangan dalam kadar premium ataupun dikenakan kadar kenaikan premium yang lebih rendah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.

SOALAN NO : 23

DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]
TARIKH 22 MAC 2011
SOALAN

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah pesakit yang mendapat perkhidmatan di Klinik 1 Malaysia sejak ia diperkenalkan dan adakah ia dilihat relevan berdasarkan dengan sambutan yang diberikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan Klinik 1 Malaysia iaitu pertanyaan daripada Dato' Henry Sum Agong (Lawas) bertarikh 28 Mac 2011 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik 1 Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan dikawasan bandar khususnya. Pelanggan Klinik 1 Malaysia tidak menunggu lama untuk mendapatkan rawatan penyakit ringan. Sehingga akhir Januari 2011, sebanyak 79 Klinik 1 Malaysia telah diwujudkan dimana 53 telah beroperasi pada tahun 2010 dan 26 buah telah beroperasi pada tahun 2011. Pecahan 79 Klinik 1 Malaysia mengikut negeri adalah seperti jadual dibawah:

Negeri	Jumlah
Perlis	1
Kedah	5
Pulau Pinang	7
Perak	7
Selangor	8
WP Kuala Lumpur	6
Negeri Sembilan	5
Melaka	4
Johor	9
Pahang	5
Terengganu	4
Kelantan	6
Sarawak	6
Sabah	5
W.P Labuan	1
Jumlah	79

Kos memulakan perkhidmatan kesemua Klinik 1 Malaysia ini adalah sebanyak RM 6.5 juta. Jumlah kos ini adalah termasuk ubahsuai bangunan, pembelian peralatan perubatan dan peralatan bukan perubatan pada tahun 2010 (RM2.5 juta) dan tahun 2011 (RM4.0 juta). Setiap negeri akan mengenalpasti syarikat/kontraktor untuk menjalankan kerja pengubahsuaian diperingkat Pejabat Kesihatan Daerah. Pemilihan kontraktor berdasarkan tatacara perolehan sediaada iaitu berdasarkan harga, kualiti kerja dan rekod syarikat/kontraktor berkenaan.

Sehingga kini, sebanyak 300 perjawatan telah diwujudkan bagi Klinik 1 Malaysia yang terdiri daripada 100 Penolong Pegawai Perubatan, 100 Jururawat dan 100 Pembantu Perawatan Kesihatan. Semua jawatan telah di isi.

Klinik 1 Malaysia yang dikendalikan oleh kumpulan paramedik dan klinik swasta yang dikendalikan oleh doktor swasta tidak bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan pelanggan kerana skop perkhidmatan yang berbeza. Klinik 1 Malaysia hanya menyediakan rawatan untuk penyakit ringan yang boleh disediakan oleh paramedik berbanding perkhidmatan klinik swasta yang dapat memberi rawatan penyakit yang lebih kompleks yang memerlukan kepakaran seorang doktor perubatan yang bertauliah.

Sehingga 20 Februari 2011, sebanyak 1,632,210 kedatangan pesakit telah dilaporkan dari kesemua Klinik 1 Malaysia diseluruh negara. Jumlah ini termasuk 283,042 kedatangan di 25 Klinik 1 Malaysia yang beroperasi pada bulan Januari 2011. Melihat kepada jumlah kedatangan pesakit ini, ianya menunjukkan sambutan rakyat yang cukup menggalakkan dan ianya adalah relevan untuk dipertingkatkan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [

TELOK KEMANG]

TARIKH

22.03.2011 (SELASA)

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan berapakah jumlah subsidi gula yang diberikan kepada syarikat-syarikat pengeluaran minuman dan makanan dari tahun 2005 hingga 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan, sebelum tahun 2009, subsidi tidak diberikan untuk komoditi gula. Peningkatan harga kontrak jangka panjang (LTC) gula mentah bagi tempoh 2009 hingga 2011 berikutan peningkatan harga gula mentah dunia menyebabkan Kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan pemberian subsidi gula pada tahun 2009 dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- (i) Tanpa pemberian subsidi, harga runcit gula akan meningkat kepada RM2.05 sekilogram berbanding RM1.45 sekilogram. Kenaikan harga gula sebanyak 60 sen sekilogram akan membebankan rakyat terutama golongan yang mudah terjejas kerana selain daripada peningkatan**

harga gula itu sendiri, **peningkatan harga gula** juga akan memberi **kesan** kepada **kenaikan harga barangan makanan** lain di pasaran yang menggunakan **gula sebagai bahan asas**; dan

(ii) Keadaan kemerosotan ekonomi dunia pada tahun 2008 dan awal tahun 2009.

Pada tahun 2009, Kementerian telah **melaksanakan larangan pembelian gula bersubsidi** oleh **syarikat yang menghasilkan produk untuk dieksport**. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk liberalisasi subsidi secara berperingkat-peringkat termasuk mengurangkan subsidi gula. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah **bersetuju membenarkan pembukaan permit import (AP) Gula kepada pengilang makanan dan minuman mulai tahun 2010**.

Pada tahun 2011, Kerajaan **meliberalisasikan pembelian gula bersubsidi oleh pembeli industri secara berperingkat-peringkat** bagi memberikan persaingan yang sihat di antara industri yang terlibat dalam segmen yang sama dan bagi **mengurangkan tanggungan bebanan kewangan oleh Kerajaan** dalam proses rasionalisasi subsidi. Sekiranya cadangan ini berjaya dilaksanakan, Kerajaan akan memanjangkan larangan pembelian gula bersubsidi kepada semua pihak industri termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) dan memfokuskan subsidi kepada pengguna isirumah sahaja. Penggunaan **gula bagi industri** adalah **sebanyak 60 peratus** jika dibandingkan dengan penggunaan **isi rumah** iaitu sebanyak **40 peratus**.

Soalan No : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT
(SRI AMAN)**

TARIKH

22.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah terbaru bagi mengatasi kelewatan jadual pembinaan SK Pantu Sri Aman yang pada masa kini telah berlarutan hampir setahun walaupun ianya dijadualkan siap pada Mei 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) maklum mengenai kelewatan jadual pembinaan SK Pantu di Sri Aman dan telah mengenalpasti faktor kelewatan tersebut. Antara punca kelewatan tersebut ialah disebabkan kelemahan kontraktor itu sendiri dalam menguruskan projek berkenaan. Selain itu, pada awal pembinaan didapati sebahagian tapak projek sedang digunakan oleh penduduk kampung untuk tujuan pertanian.

Oleh itu, KPM telah mengarahkan kontraktor berkenaan menyediakan penjadualan semula perancangan dalam usaha mempercepatkan kerja mereka dan pada masa yang sama pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sedang mengkaji tindakan susulan yang perlu diambil terhadap kontraktor berkenaan. KPM tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang drastik kepada kontraktor berkenaan sekiranya didapati kontraktor sedia ada tidak berkeupayaan dalam menyempurnakan projek tersebut.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

22 MAC 2011

PERTANYAAN : YB Tuan Nasharudin Bin Mat Isa

DARI PADA : [Bachok] minta **MENTERI LUAR**
NEGERI menyatakan sama ada
pihak Kerajaan mempunyai

TARIKH : ketetapan atau peruntukan
kewangan khas kepada umat Islam di

SOALAN : Palestin.

JAWAB LISAN

{

YB TUAN
NASHARUDIN
BIN MAT ISA
[BACHOK]

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat [Bachok] serentak dengan soalan daripada Yang Berhormat [Tumpat] bertarikh 24 Mac 2011 dan soalan dari Yang Berhormat [Balik Pulau] bertarikh 28 Mac 2011. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif dan positif ke arah usaha mencari penyelesaian yang adil dan saksama di dalam konflik Israel-Palestiri, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Dalam hal ini, Malaysia telah secara aktif dan berterusan menyuarakan pendiriannya di peringkat dua hala dan pelbagai-hala menerusi fora-fora antarabangsa, khususnya di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi memohon badan-badan dunia tersebut supaya lebih tegas dan serius dalam usaha memastikan kejayaan Pelan Damai Israel-Palestin demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat Palestin dari ancaman dan penindasan berterusan Regim Israel.

3. Malaysia juga sentiasa menggesa kuasa-kuasa besar dunia terutamanya Amerika Syarikat dan ahli-ahli Kuartet Timur Tengah supaya memainkan peranan yang lebih aktif dan positif dengan mengenakan tekanan terhadap rejim Israel supaya penyelesaian

kepada konflik Israel-Palestin ini tercapai.

4. Dalam usaha untuk meringankan beban penderitaan rakyat Palestin, Kerajaan Malaysia telah menyafurkan pelbagai bantuan kemanusiaan umpamanya sumbangan kewangan bagi pembinaan semula sekolah, pembelian jentera bagi pihak berkuasa Palestin serta penganjuran kursus-kursus biha upaya di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) bagi rakyat Palestin. Kerajaan juga telah menyalurkan sumbangan kewangan kepada Kedutaan Palestin di Kuala Lumpur sejak tahun 1983. Sumbangan kewangan tersebut antara lain adalah untuk membantu dalam urusan operasi Kedutaan. Kerajaan Malaysia bagaimanapun, tidak mempunyai ketetapan atau peruntukan kewangan yang khusus untuk membantu umat Islam di Palestin.

5. Dari segi hubungan diplomatik dengan pihak Palestin, Malaysia merupakan antara negara yang pertama di dunia memberi pengiktirafan kepada Kerajaan Palestin. Ini terbukti apabila Pejabat Pertubuhan Pembebasan Palestin atau *Palestine Liberation Organization* (PLO) ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1974. Pejabat ini telah di naik taraf ke Kedutaan Besar Palestin pada tahun 1983. Sehingga kini, Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan Pihak Berkuasa Palestin (*Palestine National Authority*) yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas.

6. Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan di rantau Timur Tengah yang dilantik atau dipilih secara sah oleh rakyat negara masing-masing.

PEMBERITAHUAN

**PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN SOALAN (27)

TARIKH : 22 MAC 2011 (SELASA)

**DARIPADA : Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]
SOALAN**

Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membina rumah kos rendah di kawasan Batu Sapi untuk mangsa bencana alam agar mereka terhindar daripada bahaya runtuh tanah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun meluluskan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lupak Meluas, Batu Sapi yang akan dilaksanakan mulai tahun ini dan dijangka siap pada tahun 2013. Projek ini merangkumi pembinaan pelbagai kemudahan awam seperti taman permainan, dewan serbaguna, tadika, pejabat pengurusan dan sebagainya.

Apabila disiapkan kelak, projek ini akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Majlis Perbandaran Sandakan untuk dibuat pengisian. Mengikut dasar sedia ada, keutamaan bagi pengisian rumah-rumah PPR adalah khusus kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah di kawasan berkenaan.

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Mac 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA **TUAN AZAN BIN ISMAIL**
[INDERA MAHKOTA]

PERTANYAAN **:** **LISAN**

TARIKH **22.03.2011**

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan pelaksanaan penghapusan duti import kepada 300 barangan baru lalu dan implikasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah memansuhkan duti import ke atas lebih kurang 300 barangan meliputi barangan kegemaran pelancong dan barangan kegunaan harian. Langkah ini telah dikuatkuasakan mulai 15 Oktober 2010. Pemansuhan duti import ini bermakna tiada elemen duti import dalam harga jualan barangan berkenaan. Justeru itu, langkah memansuhkan duti import ini antaranya dijangka dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat membeli-belah yang menarik kepada pelancong. Di samping itu, pemansuhan duti import ke atas barangan keperluan harian pula dapat membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup rakyat.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mengawal

harga jualan semua barangan kecuali barangan keperluan asas. Namun begitu, pelbagai langkah sedang dilaksanakan oleh Kerajaan antaranya melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Kementerian Pelancongan untuk memberi kesedaran dan mendapatkan kerjasama di kalangan penjual, pengedar dan juga pengguna barangan untuk mencapai matlamat Kerajaan dalam memansuhkan duti import. Dengan wujudnya kerjasama tersebut, langkah memansuhkan duti import dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dalam bentuk penjimatan kepada pengguna dan juga penjualan yang meningkat kepada peniaga.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama khususnya daripada pusat-pusat membeli belah untuk mengadakan promosi jualan murah, melancarkan kempen *Year End Sale* dan *Grand Prix Sale* telah menunjukkan kesungguhan untuk memberi sokongan padu kepada Kerajaan di dalam melaksanakan pemansuhan duti import. Perkembangan positif ini dijangka dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat membeli belah yang menarik di samping rakyat dapat menikmati harga yang berpatutan.

Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN

Daripada

INPUT PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]

Tarikh Menjawab

22 Mac 2011 [Selasa]

[No. ²⁹~~42~~]

Soalan

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan bahawa kualiti minyak sawit kita sentiasa baik dan terjamin serta diterima di peringkat antarabangsa. Bagaimana pula Kerajaan boleh mendidik pekebun- pekebun kecil kelapa sawit supaya mengutamakan kualiti buah sawit untuk dijual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kualiti minyak sawit negara sentiasa baik dan terjamin serta diterima di peringkat antarabangsa, Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah mengambil langkah- langkah berikut:

- i. melaksanakan sistem pensijilan di bawah Kod Amalan Baik MPOB di sepanjang rantai sawit meliputi tapak semaian, estet/kebun kecil sawit, kilang sawit, kilang pelumat isirong sawit, kilang penapis dan *bulking installation*;

- ii. pemantauan berterusan oleh Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan MPOB bagi memastikan tidak berlaku pencemaran semasa pengalihan minyak sawit;
- iii. menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk memperbaiki mutu minyak sawit negara dan mempelbagaikan produk-produk berasaskan sawit; dan
- iv. bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan di negara-negara pengimport yang bertanggungjawab untuk memastikan minyak sawit negara menepati spesifikasi negara pengimport,

Di dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti buah sawit, MPOB telahpun menubuhkan Pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) pada tahun 2003. Pusat TUNAS bertanggungjawab bagi membantu dan memberi tunjuk ajar kepada pekebun kecil sawit persendirian mengenai antara lain Amalan Pertanian Baik dan penghasilan buah tandan segar yang bermutu untuk memastikan kadar perahan minyak yang tinggi. Pegawai-pegawai TUNAS menggunakan pendekatan seperti lawatan ke kebun dan plot demonstrasi, tunjuk ajar kaedah dan ceramah teknikal kepada pekebun-pekebun kecil sawit persendirian ini. Sehingga kini, terdapat seramai 122 orang pegawai TUNAS yang telah ditempatkan di seluruh negara untuk tujuan ini.

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

(JERAI)

TARIKH 22 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN 30

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta **MENTERI**
PENGANGKUTAN menyatakan apakah Kementerian **berhasrat**
meneruskan juga perancangan menswastakan Sistem Penguatkuasaan
Lalu Lintas Secara Automatik (AES) yang pasti akan membebankan rakyat
dan menguntungkan syarikat yang dipilih.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya berhasrat untuk meneruskan pelaksanaan Sistem Penguatkuasaan Lalu Lintas Secara Automatik (AES) sebagaimana yang telah dirancang. Projek ini akan dilaksanakan secara penswastaaan bertujuan bagi menjimatkan perbelanjaan Kerajaan di mana untuk pelaksanaan projek ini Kerajaan tidak perlu mengeluarkan sebarang perbelanjaan. Pendapatan syarikat pula bergantung kepada banyaknya bilangan kesalahan yang dilakukan oleh pengguna jalan raya. Sehubungan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

dengan itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian supaya bersama-sama berkempen agar pengguna jalan raya mematuhi peraturan lalu lintas. Kurangnya kesalahan jalan raya, kurangnya kutipan saman.

Tuan Yang Dipertua,

AES tidak bertujuan untuk membebankan pengguna jalan raya tetapi lebih menumpukan kepada usaha pengurangan kadar kemalangan jalan raya melalui perubahan sikap pemandu. Kawasan pemasangan sistem ini juga akan dilengkapi dengan papan tanda amaran kepada pengguna jalan raya sebelum memasuki kawasan berkenaan. Ini bertujuan untuk memberi amaran awal kepada pengguna jalan raya supaya berhati-hati dan mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 MAC 2011 (SELASA)

**DARIPADA : Y.B. DATO¹ NORAINIBINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu pembuangan sampah yang semakin tinggi dan apakah program kesedaran yang dilancarkan dan digerakkan oleh agensi Kerajaan masih gagal dalam menyedarkan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Program yang diberikan keutamaan untuk mengurangkan penghasilan sampah adalah program 3R iaitu mengurang, mengguna semula dan mengitar semula sisa pepejal. Banyak peruntukan telah diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk program kitar semula termasuk membina pusat-pusat kitar semula dan pembelian tong kitar semula.

Selain menyediakan infrastruktur bagi program 3R, pelbagai kempen kesedaran awam dan projek-projek dengan badan-badan bukan kerajaan, sekolah-sekolah dan PBT seperti pengkomposan di rumah-rumah serta aktiviti kitar semula di sekolah sekolah juga dianjurkan. Dalam hal ini adalah didapati tahap kesedaran awam mengenai kempen kitar semula di kalangan masyarakat telah semakin meningkat.

Daripada kajian kaji selidik yang telah dibuat di Putrajaya pada tahun 2009 oleh Alam Flora dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) didapati 92% daripada 900 responden sedar akan aktiviti kitar semula manakala 73% telah mengamalkannya.

Apabila Akta 672 dikuatkuasakan kelak, kerajaan akan menguatkuasakan pengasingan sisa dipunca di mana Kementerian percaya sekiranya penduduk memberi kerjasama sepenuhnya, hampir 50% penghasilan sisa pepejal dapat dikurangkan. Kerajaan juga akan mewujudkan sistem terimaan balik dan sistem bayaran balik deposit sebagai inisiatif untuk mengurangkan bahan-bahan yang

boleh dikitar semula daripada memasuki tapak pelupusan atau menjadi sampah longgok.

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Mac 2011

**PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : MOHD YUSOFF [BALIK PULAU]
DARIPADA : 22 MAC 2011**

**TARIKH : Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta
MENTERI LUAR NEGERI**

**SOALAN : menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia
JAWAB LISAN dalam krisis persengketaan sempadan
TUAN MGHD antara negara Kemboja dan Thailand.
YUSMADI BIN**



JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan berhubung pertelingkahan sempadan antara Kemboja dan Thailand baru-baru ini. Pada 7 Februari 2011, Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan akhbar untuk menyatakan keyakinan Malaysia bahawa kepimpinan Kemboja dan Thailand dapat memberi petunjuk ke arah penyelesaian secara damai kepada masalah tersebut menerusi dialog dan rundingan.

3. Malaysia percaya pendekatan sedemikian akan menguntungkan hubungan di antara kedua-dua negara, di samping ianya bertepatan dengan semangat setia kawan ASEAN dan peruntukan Piagam ASEAN. Malaysia turut menyeru kedua-dua belah pihak supaya, dengan izin, "*exercise maximum restraint.*"

4. Di samping itu, Malaysia menyokong inisiatif Indonesia selaku Pengerusi ASEAN dalam membantu usaha kedua-dua negara mendapatkan penyelesaian damai kepada masalah yang kompleks dan sensitif tersebut. Malaysia bersama-sama negara-negara anggota ASEAN yang lain telah menghadiri satu mesyuarat tidak rasmi Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN di Jakarta pada 22 Februari 2011, di mana kata sepakat telah dicapai

berhubung isu ini, terutamanya berkaitan usaha ke arah gencatan senjata yang kekal dan penempatan pasukan pemerhati dari Indonesia di kedua-dua belah pihak, Kemboja dan Thailand.

/

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)

TARIKH 22.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) jumlah pelajar bukan berketurunan Cina yang belajar di SJKC di negeri Sabah; dan
- (b) pecahan mengikut kaum, daerah dan peringkat pembelajaran sejak sepuluh (10) tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Sehingga Jun 2010, enrolmen murid Bumiputera yang mengikuti pendidikan pelbagai peringkat pembelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Sabah berjumlah 11,868 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan murid Bumiputera dan bukan Bumiputera yang bersekolah di SJKC di Sabah daripada tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH BILANGAN MURID
2010	11,868	23,334	35,202
2009	10,866	24,360	35,226
2008	10,477	24,808	35,285
2007	10,581	24,716	35,297

NO. AUM
: 13

NO. AUP =

n

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

TUAN WONG HO LENG [SIBU]

DARIPADA

22 MAC 2011

TARIKH

3395

**SOALAN:
RUJUKAN**

Tuan Wong Ho Leng [SibU] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa pemohon kewarganegaraan Malaysia dari luar ibu negeri Sarawak dikehendaki mengambil ujian Bahasa Melayu dan ditemu duga di Kuching sahaja. Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibn yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Persoalan mengenai mengapa pemohon kewarganegaraan Malaysia dari luar Ibu Negeri Sarawak dikehendaki mengambil Ujian Bahasa Melayu dan ditemu duga di Kuching sahaja adalah kurang tepat. Ini adalah kerana pemohon taraf kewarganegaraan yang dikehendaki untuk menduduki Ujian Bahasa Melayu hanya perlu menduduki Ujian tersebut di pejabat JPN yang menerima dan memproses permohonan mereka. Pelaksanaan Ujian Bahasa Melayu secara lisan adalah dilaksanakan di tempat yang sama dengan tempat di mana mereka kemukakan permohonan.

Kementerian ini sentiasa prihatin dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan tidak akan membebankan rakyat sebaliknya lebih kepada pendekatan yang bersifat membantu, memudahkan dan 'mesra rakyat'.

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB Lisan

DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI)

TARIKH : 22 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kelewatan pembayaran skim bantuan kebajikan lebih-lebih lagi penghujung tahun kepada golongan miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan bantuan dilaksanakan dengan cekap, cepat dan berkesan kepada golongan yang memerlukan. Antara usaha yang dilaksanakan termasuklah: kuasa meluluskan bantuan diturunkan daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat

Negeri kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah berkuatkuasa 28 April 2006 dan seorang pegawai tambahan yang terdiri dari pegawai kanan (Gred S32) di peringkat daerah berkuatkuasa 19 Mac 2010;

bayaran kepada penerima bantuan dibuat pada 1 haribulan setiap bulan di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian mulai 1 September 2009 bagi negeri-negeri di Semenanjung dan mulai 1 Januari 2010 bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak melalui Surat Arahan Ketua Setiausaha KPWKM berkuatkuasa 31 Julai 2009;

mewujudkan Tabung Bantuan Segera bagi memastikan kes-kes yang memerlukan bantuan segera dapat dibantu melalui tabung tersebut berkuatkuasa 24 April 2008;

melaksanakan kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) terhadap proses dan prosedur kerja bantuan kewangan di enam buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu PKMD Kuala Terengganu, PKMD Hilir Perak, PKMD Kinta, PKMD Seremban, PKMD Port Dickson dan PKMD Melaka Tengah. Melalui PPPK ini, permohonan bantuan diproses terus di pejabat dan keputusan permohonan dimaklumkan terus kepada klien pada hari yang sama selepas siasatan/temuduga dijalankan. memperbanyakkan urusan pembayaran bantuan dibuat melalui bank. Pada

masa ini JKM menggunakan dua kaedah pembayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan iaitu melalui bayaran secara tunai dan melalui bank. Secara purata, 60% bayaran bantuan kebajikan bulanan dibuat melalui bank manakala bakinya dibayar secara tunai. Bagi bayaran melalui bank, semua penerima bantuan bulanan JKM menerima bantuan pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada 1 hari bulan setiap bulan. Usaha-usaha sedang giat diambil oleh JKM untuk meningkatkan lagi bilangan penerima melalui bank sehingga 90% supaya bayaran secara tunai hanya dihadkan kepada mereka yang benar-benar tidak mampu ke bank seperti pesakit kronik dan terlantar.

NO SOALAN :36

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

TARIKH

22MAC 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan;

- (a) Apakah rasional Tan Sri Mohd Isa Abd Samad dilantik sebagai Pengerusi FELDA yang baru; dan**
- (b) Apakah tindakan Kerajaan berikutan kenyataan beberapa penganalisis ekonomi bahawa perlantikan tersebut memberi kesan dan isyarat negatif kepada pasaran.**

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad sebagai Pengerusi FELDA yang baru adalah berdasarkan pengalaman beliau yang luas dalam bidang pentadbiran, pengurusan, kepimpinan dan pembangunan komuniti. Beliau telah dilantik oleh YAB Perdana Menteri sebagai Pengerusi FELDA mulai 2 Januari 2011 hingga 31 Disember 2013.

Pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad sebagai Pengerusi FELDA adalah berdasarkan kepimpinan dan pengalaman yang mampu menyatukan masyarakat peneroka. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan bermula dari tahun 1982 sehingga 2004 dan pernah memegang jawatan Menteri Kabinet Kerajaan Persekutuan pada tahun 2004 hingga tahun 2006. Pengalaman beliau dalam bidang politik dan pentadbiran adalah menepati kriteria sebagai Pengerusi FELDA yang terlibat secara langsung dalam urusan pembangunan tanah dan urusan peneroka di rancangan.

Beliau juga pernah menjadi Wakil Rakyat di kawasan Parlimen Jempol, Negeri Sembilan. Kawasan Parlimen ini mempunyai 27 buah rancangan FELDA dan pengalaman luas dalam hubungan dengan komuniti peneroka membolehkan beliau sangat sesuai dilantik sebagai Pengerusi FELDA.

Pelantikan Tan Sri Mohd Isa sebagai Pengerusi FELDA tidak memberi kesan dan isyarat negatif kepada pasaran seperti yang didakwa. Buktinya, Indeks Komposit (IK) pada 30 Disember 2010 ditutup pada paras 1,518.91 mata. IK telah didagangkan dalam jajaran sekitar 50 mata pada suku tahun keempat 2010. Pada awal Januari 2011, IK telah dibuka pada paras 1,524.53 mata dan

ditutup pada paras 1,533.42 mata, meningkat sebanyak 14.51 mata berbanding 30 Disember 2010. Dengan itu, dakwaan berlakunya kepincangan dalam pasaran saham yang disebabkan pelantikan Pengerusi FELDA adalah tidak berkaitan dengan aktiviti perniagaan Kumpulan FELDA. Tambahan pula pada masa ini tiada anak-anak syarikat FELDA yang tersenarai dalam pasaran saham.

Dalam pada itu, rakan perniagaan FELDA dalam dan di luar negara seperti China, Hong Kong, Pakistan, India, Sri Lanka, Bangladesh, Singapura, Perancis, Afrika Selatan dan Negara-negara Timur Tengah terus memberi sokongan kepada aktiviti perniagaan FELDA. Permintaan terhadap komoditi utama FELDA iaitu keluaran sawit terus kukuh dan berdaya saing di pasaran antarabangsa. Dari segi pemilikan aset oleh FELDA, sehingga ini terus bertambah kukuh. Jumlah aset yang dimiliki sehingga 31 Disember 2010 (belum diaudit) adalah berjumlah RM19,179.29 juta berbanding RM15.003 billion pada tahun 2009. Kedudukan tunai FELDA juga terus meningkat dari RM1.35 billion pada tahun 2009 kepada RM2.02 billion (belum diaudit) pada tahun 2010. Jumlah aset yang semakin kukuh ini membuktikan pelantikan Pengerusi FELDA yang baru adalah tiada kaitan dengan kemerosotan rezab tunai FELDA sepertimana yang didakwa.

Dalam tahun 2011, FELDA akan terus menumpukan usaha mensejahterakan kehidupan warga peneroka di tanah rancangan. Bagi tahun 2011, FELDA memperuntukan sejumlah RM424.3 juta iaitu

bertambah 39.6 peratus (%) berbanding bajet yang diperuntukan pada tahun 2010 iaitu RM303.96 juta. Pertambahan bajet ini adalah untuk memberi tumpuan kepada program yang memberi impak tinggi kepada warga peneroka seperti Perumahan Warga FELDA (PWF), pembaikan infrastruktur, program latihan generasi baru, insentif kepada peneroka dan lain-lain. Dalam pada itu juga pendapatan peneroka pada Januari 2011 terus stabil di paras RM3,194.86 sebulan bagi komoditi sawit dan getah pula RM5,160.44 sebulan.

Sebagai kesimpulannya, pelantikan Tan Sri Mohd Isa Samad tidak langsung menjejaskan nama baik dan reputasi FELDA sebagai organisasi pembangunan tanah yang unggul di negara ini. Sokongan yang ditunjukkan oleh warga peneroka khususnya dalam Pilihanraya Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang dan Kerdu jelas membuktikan organisasi FELDA diterima oleh rakyat.

NO SOALAN : 37

PEMBER1TAHU PERTANYAAN

PERTANYAAN :

**DEWAN DARIPADA
LISAN**

RAKYAT

**YB TENGKU TARIKH
HAMZAH
(GUA MUSANG)**

RAZALEIGH

22.03.2011

(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah pelatih PLKN yang berjaya menjalani latihan dan berapakah sebenarnya jumlah wang yang telah digunakan sejak program tersebut diwujudkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah mula dilaksanakan sejak dari tahun 2004. Pelatih-pelatih dikehendaki melaksanakan empat modul latihan sepanjang program ini dilaksanakan iaitu fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti. Sehingga kini, 501,509 remaja telah menamatkan latihan dengan jayanya dan telah diberikan sijil penyertaan.

Sehingga kini, PLKN telah membelanjakan sebanyak RM4.27 bilion sehingga berakhir tempoh 31 Disember 2010.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]

TARIKH 22MAC 2011

SOALAN

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

- (a) Perancangan Kerajaan bagi menangani masalah banjir yang melanda Padang Terap; dan
- (b) Bilakah jangkaan Kerajaan masalah tersebut boleh diselesaikan JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah banjir di Padang Terap, dua (2) kajian telah disiapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) iaitu:

- i. ***Drainage Master Plan and Flood Mitigation Study for Bandar Kuala Nerang, Daerah Padang Terap, Kedah*** yang telah siap pada tahun 2004; dan
- ii. Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Pengurusan Sg Kedah/Sg Anak Bukit yang telah siap pada tahun 2007.

Kajian-kajian tersebut menggariskan beberapa cadangan penyelesaian iaitu:

- i. kerja-kerja menaiktaraf sungai dan struktur kawalan sedia ada; dan;
- ii. kerja-kerja penstabilan tebing dan membina ban.

Kos keseluruhan perlaksanaan projek RTB berkenaan dianggarkan sebanyak RM 20 juta yang mana melibatkan kos pengambilan balik tanah sebanyak RM 7.6 juta.

Di samping itu, projek-projek tebatan banjir yang berskala kecil juga sedang dilaksanakan oleh JPS Negeri dan JPS Daerah bagi menangani masalah banjir setempat. Skop projek tersebut melibatkan kerja-kerja mengorek, mencuci dan membersihkan sungai/alor sedia ada.

(b) Pelaksanaan projek-projek RTB akan dilaksanakan apabila peruntukan tambahan yang dipohon diluluskan. Pihak kerajaan menjangkakan masalah banjir tersebut akan dapat diselesaikan setelah pelaksanaan sepenuhnya projek RTB Bandar Kuala Nerang dan RTB Sg Kedah/ Sg Anak Bukit.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM

49/48

NO. AUP : 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
[MAS GADING]**

TARIKH 22 MAC 2011

RUJUKAN 3398

SOALAN:

**Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilakah kompleks CIQS Biawak akan
beroperasi dengan sepenuhnya memandangkan kerja menaik taraf
jalan utama iaitu, Jalan Biawak, manghadapi masalah kelewatan yang
teruk dengan prestasi hanya 35% dilaporkan pada bulan Disember,**

2010 walaupun jadual asal tamat pada 27 Februari, 2011.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr Tekhee @ Tiki Anak Lafe yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli Dewan yang mulia, Projek Pos dan Kuarters Imigresen Biawak telah bermula pada 23 Oktober 2008 serta siap sepenuhnya pada 30 Disember 2010.

Tuan Yang Dipertua

Walaupun kerja naik taraf jalan utama masih belum disiapkan, CIQS ini telah dibuka kepada orang awam pada 1 Januari 2011 yang lalu dan beroperasi dari jam 6 pagi hingga 6 petang setiap hari.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM KIT SIANG[IPOH TIMUR]

TARIKH 22 MAC 2011

NO. SOALAN:

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan disiplin yang telah diambil terhadap guru besar SMK Tunku Abdul Rahman Putra, Siti Inshah Mansor kerana melafazkan kata-kata rasis terhadap pelajar-pelajar yang bertentangan dengan konsep 1 Malaysia dan senaraikan pegawai-pegawai sekolah lain yang telah diambil tindakan disiplin atas kesalahan yang sama.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Puan Hajah Siti Inshah binti Mansor, mantan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra, Kulai Johor yang melafazkan kata-kata rasis terhadap pelajar-pelajar telah diambil tindakan tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Beliau telah diberikan surat pertuduhan dan peluang membuat representasi bertulis untuk membela diri terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan Kumpulan Pengurusan (No.1) telah menimbang representasi bertulis pegawai serta permohonan maaf yang dilafazkan sebanyak empat kali iaitu semasa perhimpunan mingguan, di Bilik Gerakan Sekolah semasa pertemuan dengan guru bukan Melayu (sesi pagi), di kantin sekolah dan dari kelas ke kelas serta mengambil kira masalah

disiplin yang ~~PERDANA MENTERI PERTANYAAN DEWAN RAJYATI~~ tersebut telah memutuskan pegawai tidak bersalah terhadap pertuduhan dan membebaskan pegawai. Semasa prosiding tatatertib berlangsung, pegawai ini telah digantung tugas dan ditukarkan keluar dari sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada kes bekas Pengetua ini yang merupakan kes pertama yang berlaku di kalangan pegawai-pegawai pendidikan di sekolah yang dikenakan tindakan disiplin kerana melafazkan kata-kata berbau perkauman, tiada kes baru yang dilaporkan dan diambil tindakan disiplin sehingga kini.

Sekian. Terima kasih.

No. Soalan : 'S3

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH 22 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian bercadang mewajibkan semua pengusaha bas ekspres di Negara ini mewujudkan sistem pembelian tiket secara elektronik atau *e-ticketing* bagi memudahkan pengguna berurusan sekali gus mengatasi masalah ulat tiket yang kian

berleluasa.

NO. SOALAN:

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI Tuan

Yang Dipertua,

Seiring dengan kenaikan had kadar tambang, pada tahun 2009 Kerajaan telah menggariskan langkah-langkah penambahbaikan industri pengangkutan awam bagi memastikan pengusaha pengangkutan awam meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan kepada pengguna. Langkah penambahbaikan yang digariskan seperti penjualan tiket secara atas talian (*e-ticketing*) bagi bas ekspres. Sehingga kini terdapat 65 syarikat bas ekspres telah melaksanakan sistem *e-ticketing*.

Buat masa ini SPAD tidak bercadang untuk mewajibkan semua pengusaha bas ekspres di Negara ini mewujudkan sistem pembelian tiket secara elektronik atau *e-ticketing*. Memandangkan SPAD sedang membuat penilaian penuh ke atas industri untuk mengenalpasti langkah-langkah yang bersesuaian untuk menangani masalah tersebut berdasarkan teknologi sedia ada / relevan.

Walau bagaimanapun, pelan induk pengangkutan awam yang sedang

disediakan akan mengambil kira secara holistik dan pendekatan terbaik dalam menangani isu-isu yang timbul seperti isu ulat tiket. Kaedah pra-bayar seperti sistem *e-ticketing* boleh dipertimbangkan sebagai mekanisme dalam perancangan sebagai langkah untuk meningkatkan kecekapan dan tahap capaian tiket kepada individu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISA
N

DARIPADA

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN
RAKYAT

22 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

NO.
42

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah jaminan bank, subsidi atau insentif yang diberikan dan pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap syarikat konsesi penjana kuasa bebas tiap-tiap tahun sejak ia bermula pada tahun 1980-an. Berikan pecahan syarikat, kos pembinaan dan tempoh masa konsesi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak pernah memberikan jaminan bank, insentif, subsidi mahupun pampasan dalam bentuk kewangan bagi membiayai penjana kuasa bebas atau **independent power producers** (IPP), dengan izin. Ini adalah kerana keputusan Kerajaan untuk menswastakan stesen penjanaan elektrik melalui kaedah Bina- Kendali-Milik (build-operate-own), dengan izin, dimana pihak IPP perlu menanggung risiko dalam pembinaan dan operasi stesen janakuasa milik mereka

merupakan langkah bagi mengimbangi permintaan dan pembekalan elektrik negara serta meningkatkan tahap kecekapan pengendalian sistem pembekalan elektrik.

Kos pembinaan dan tempoh masa konsesi bagi setiap IPP yang berkenaan

adalah seperti berikut:

No.		Tempoh Masa Konsesi			Kos Projek (RM Billion)
		Tempoh (Tahun)	Tahun Mula	Tahun Tamat	
1	YTL	21	1995	2015	3.4
2	SEV	21	1996	2017	3.7
3	Genting Sanyen Power	21	1995	2015	1.6
4	Powertek	21	1995	2016	0.62
5	Port Dickson Power	21	1995	2016	0.65
6	TTPC	• 21	2003	2024	1.86
7	Pahlawan	21	1999	2020	0.74
8	Panglima	21	2003	2023	1.8
9	GB3	21	2002	2022	1.39
10	Prai Power	21	2003	2024	1.04
11	Kapar Energy Ventures	25	2004	2029	4.2
12	Janamanjung	25	2003	2031	7.28
13	Tg. Bin Power	25	2007	2031	7.44
14	Jimah Energy Ventures	25	2009	2033	5.8

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah memberikan subsidi kepada sektor elektrik untuk dinikmati oleh rakyat keseluruhan dalam bentuk harga gas yang rendah. Kerajaan telah menetapkan harga gas sebanyak RM6.40/MMbtu yang berkuat kuasa semenjak Mei 1997 dan dinaikkan kepada RM14.31/MMbtu pada 2008. Namun, selaras dengan penurunan harga minyak di pasaran antarabangsa pada awal tahun 2009, harga gas kepada sektor elektrik telah dikurangkan kepada RM10.70/MMbtu pada tahun tersebut sehingga sekarang.

Jumlah subsidi gas kepada sektor elektrik secara keseluruhannya dari tahun 1997

sehingga tahun 2010 adalah sebanyak RM96.726 bilion. Pemberian subsidi harga gas kepada sektor penjanaan elektrik ini adalah bagi memastikan pengguna- pengguna mendapat bekalan elektrik pada kadar tarif yang rendah. Pecahan jumlah subsidi gas kepada sektor elektrik mengikut tahun dari tahun 1997 sehingga tahun 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Subsidi Gas kepada Sektor Elektrik (RM bilion)
1997	0.349
1998	0.296
1999	1.415
2000	4.326
2001	3.235
2002	3.938
2003	4.792
2004	5.630
2005	9.953
2006	12.398
2007	12.411
2008	16.841
2009	9.143
2010	11.999
Jumlah	96.726

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN
HAJI MOHAMED SAID
(KUALA KRAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 22.03.2011

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi
memastikan semua kepentingan Bumiputera dalam semua projek
pembangunan UDA Holdings Berhad seperti Program Kuala Lumpur**

Raya (Greater Kuala Lumpur) dan Pusat Bandar Bukit Bintang (BBCC) terus terpelihara serta jaminan peniaga atau usahawan Bumiputera diberi peluang berniaga di kawasan strategik dan pemilikan hartanah komersial.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, UDA Holdings Berhad (UDA) adalah sebuah syarikat Kerajaan yang ditubuhkan sebagai *vehicle* pelaksanaan program penyusunan semula masyarakat melalui aktiviti pembangunan bandar seperti menyediakan ruang niaga, menempatkan usahawan *retail* bumiputera di pusat perniagaan strategik, meningkatkan pemilikan unit ruang niaga dan

kediaman serta membantu memasarkan produk bumiputera melalui gedung raya bagi memastikan kaum Bumiputera mempunyai peluang dalam kegiatan-kegiatan perdagangan, perusahaan dan pemilikan hartanah. Kerajaan akan memastikan UDA terus melaksanakan mandatnya dalam memperkasakan Bumiputera melalui pegangan saham Kerajaan dalam UDA.

2. Bagi projek-projek seperti Kuala Lumpur Raya (Greater Kuala Lumpur) dan Pusat Bandar Bukit Bintang (BBCC), UDA akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera untuk menyertai sama dalam pembangunan projek tersebut sama ada sebagai rakan kongsi, atau melalui tender terbuka, atau pemilikan/penyewaan hartanah apabila projek siap kelak. Di samping itu, UDA akan berterusan bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan Persatuan-Persatuan Peniaga Bumiputera dalam menyediakan ruang perniagaan di bangunan-bangunan komersial yang strategik.

No. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)

TARIKH 22 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang bentuk dan pendekatan hubungan antara agama dalam usaha melahirkan kedamaian antara agama di Malaysia.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Jawapan ini merupakan rumusan mengenai perkembangan lanjutan hal ehwal hubungan antara penganut agama sejak kedudukan dahulu semasa jawapan kepada soalan YB pada bulan Jun 2010 mengenai perkara yang hampir sama.

Seperti yang sedia maklum, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JMKPA) sebagai satu mekanisme untuk berdialog, berunding dan menyelesaikan isu- isu antara agama dan antara penganut agama telah mengadakan mesyuarat pada 7 Oktober 2010 dan selanjutnya bergerak dengan giatnya. YAB Perdana Menteri sendiri telah berjumpa dengan jawatankuasa ini pada 14 September 2010 untuk memberi komitmen dan sokongan terhadap usaha mereka.

Empat (4) jawatankuasa kerja ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Induk seperti berikut:-

- (a) Jawatankuasa Persefahaman Terhadap Isu-Isu Antara Penganut Agama
- (b) Jawatankuasa Kerja Aktiviti-Aktiviti Bersama
- (c) Jawatankuasa Mediasi Antara Penganut-Penganut Agama
- (d) Jawatankuasa Kerja Acara Bersama Kerajaan dan Pemimpin Masyarakat

Selain daripada mesyuarat di peringkat jawatankuasa, JMKPA telah menganjurkan satu (1) bengkel dua-hari pada 1-2 Disember 2010 untuk memupuk perhubungan silatullahim dan membina persefahaman bersama di antara anggota-anggota JMKPA serta mulai menerokai titik pertemuan awalan mengenai beberapa isu.

Para anggota JMKPA telah juga dijemput untuk menghadiri beberapa forum mengenai perhubungan di antara kaum dan penganut agama, di antaranya, Sidang Meja Bulat ***"1 Malaysia Transforming The Nation"*** yang dianjurkan oleh JPNIN dan KITA, UKM pada 24 Ogos 2010 di PICC.

Malangnya, Pengerusi JMKPA, Allahyarhama Datuk Ilani binti Isahak, meninggal dunia pada bulan Februari tahun ini yang merupakan satu kerugian besar. Perundingan sedang diadakan untuk mengenalpasti pengganti yang sesuai dan dapat diterima supaya kerja baik JMKPA dapat diteruskan.

Di samping itu, kerajaan telah juga memberi sokongan dan bantuan kepada badan-badan lain untuk menganjurkan pelbagai persidangan atau kegiatan yang bermakna termasuk “Intercultural Youth Leadership Camp” pada 3-5 Disember 2010 yang dianjurkan oleh Friendship Group of Inter-religious Services, Sathya Sai Baba Central Council of Malaysia dan JPNIN. Pihak kerajaan juga menaja ***International Consultation on Faith, Shared Wisdom & International Law*** yang dianjurkan oleh JUST (International Movement For A Just World) bersama dengan beberapa badan negara lain yang turut dihadiri oleh beberapa tokoh agama dan negarawan, seperti Imam Besar Syria, bekas Perdana Menteri Australia dan bekas Presiden Nigeria.

Mengambil berat terhadap isu-isu percanggahan di antara puak-puak pelampau agama di peringkat antarabangsa yang kadang-kala juga mempengaruhi arus fikiran dan tingkah-laku kelompok-kelompok tertentu dalam negara ini, maka, di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) pada bulan September 2010, YAB Perdana Menteri sendiri telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan Gerakan Keserdahanaan Sedunia (Global Movement of the Moderates) supaya memupuk persefahaman dan keharmonian di samping menolak dan mengeneipkan fahaman pelampau. Cadangan ini telah menerima sambutan yang baik dari ramai pemimpin negara-negara lain.

Selanjutnya, Putera Ghazi dari Jordan pada bulan Oktober 2010 pula

telah mengemukakan satu resolusi UN untuk menjadikan minggu pertama bulan Februari sebagai **World Inter-Faith Harmony Week** (WIFHW). Kerajaan Malaysia menyahut baik cadangan baik ini dengan mengadakan dan menyokong beberapa aktiviti dan program, termasuk Majlis Beramah Mesra YAB Perdana Menteri Bersama Pemimpin-Pemimpin Agama pada 14 Februari 2011, dan juga di peringkat akar umbi yang melibatkan Rukun Tetangga dan persatuan penduduk. Selain daripada JMKPA, beberapa badan utama seperti ACCIN, MCCBCHST, INSAF, IKIM, JAKIM, **Malaysia Inter-Faith Network**, **Universal Peace Foundation dan Cheng Ho Multi Cultural Education Trust** telah juga menyertai dan memberi sumbangan terhadap inisiatif ini yang dijangka akan menjadi acara tahunan.

Adalah jelas bahawa hubungan di antara kaum untuk tujuan mengekal dan mengukuhkan kedamaian di antara agama di Malaysia adalah melalui proses pergaulan, perbincangan dan penyertaan dalam pelbagai forum, perbincangan dan aktiviti bersama yang bermakna. Ianya memerlukan semangat keterangkuman (inclusiveness), sikap positif dan terbuka, serta pendekatan membina dari semua pihak mengikut Gagasan 1 Malaysia.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH

BINTI ABDUL RAHMAN

(TANJONG MANIS)

SOALAN NO : 45

TARIKH : 22 MAC 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan samada Kementerian dapat mempertimbangkan taman rekreasi seperti padang bola sepak, taman permainan kanak-kanak di Pulau Bruit, Muara Payang, Sebayang, Mupong, memandangkan Tanjong Manis adalah gabungan beberapa buah pulau dan sebuah kawasan delta yang agak sukar untuk kanak-kanak dan remaja pergi bersukan di bandar besar.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tidak dapat mempertimbangkan pembinaantaman rekreasi seperti padang bola sepak, taman permainan kanak-kanak di Pulau Bruit, Muara Payang, Sebayang, Mupong, yang mana sebelum ini dilaksanakan di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) memandangkan Kementerian tidak diluluskan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek kecil dalam tempoh *1st Rolling Plan* RMKe 10.

NO. AUM : 12

NO. AUP : ^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH 22 MAC 2011

RUJUKAN 3394

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan lokap dan bilik soal siasat yang masih tidak memasang CCTV dan nyatakan sebabnya secara munasabah memandangkan Kerajaan telah memberikan peruntukan yang mencukupi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang terhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini Kerajaan telah mengambil langkah untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di balai-balai polis. Pemasangan CCTV ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan terutamanya di lokap-lokap dan di persekitaran balai.

Tuan Yang Dipertua,

CCTV juga dipasang di bilik-bilik soal siasat yang mana ia bertujuan untuk memantau proses soal siasat. Melalui langkah ini juga salah laku anggota polis semasa menjalankan soal siasat ke atas suspek dapat dikesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah balai polis diseluruh negara adalah sebanyak 827 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 227 lokap balai polis telah dilengkapi pemasangan CCTV manakala 36 bilik

soal siasat juga telah di lengkapi pemasangan CCTV. Pihak PDRM sememangnya bercadang untuk memasang CCTV di lokap-lokap dan bilik soal siasat di kesemua balai polis seluruh negara. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada peruntukan belanja mengurus masing-masing Unit/Jabatan yang diluluskan.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN LISAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]

TARIKH 22 Mac 2011 (Selasa)

SOALAN : Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta
PERDANA MENTERI

menyatakan benarkah tahap pembangunan negara telah bertambah maju selepas NKRA dilancarkan. Senaraikan secara ringkas bidang- bidang yang mencapai tahap kemajuan yang ketara dan bidang-bidang yang masih ketinggalan. Apakah kesinambungan di antara PEMANDU dengan kementerian- kementerian yang bertanggungjawab.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)

Kerajaan mulai Januari tahun 2010 telah memperkenalkan dan melaksanakan 'Program Transformasi Kerajaan' (GTP) dan selanjutnya Model Baru Ekonomi (MBE) bersama Program Transformasi Ekonomi (ETP), dengan menggunakan kaedah pengurusan prestasi yang berkesan, iaitu, kaedah "makmal" dan **Key Performance Indicators** (KPI). Di bawah GTP, enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA dikenalpasti untuk menguruskan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh rakyat dan kerajaan, iaitu jenayah, rasuah, pendidikan, infrastruktur asas luar bandar, pengangkutan awam bandar dan isirumah berpendapatan rendah.

Dalam tempoh lebih setahun, GTP telah menghasilkan penambahbaikan awalan yang ketara dan menggalakkan untuk manfaat rakyat. Misalnya, untuk NKRA jenayah, kadar indeks jenayah keseluruhan pada tahun 2010 telah menurun sebanyak 15% dan kadar jenayah jalanan atau "**street crimes**" sebanyak 35% melalui mobilisasi hampir 30,000 anggota polis beruniform, dari kawasan-kawasan yang kurang jenayah, dari mereka yang bertugas kekeranian dan dari Polis Hutan (PGA)

untuk bertumpu di 50 kawasan "**hot-spot**. Keyakinan rakyat terhadap keselamatan telah juga meningkat.

Bagi NKRA rasuah, persepsi rakyat terhadap keberkesanan Kerajaan dalam menangani rasuah telah meningkat daripada 28% pada tahun 2009 kepada 48% pada tahun 2010, mengikut kajian **Transparency International Global Corruption Barometer** setelah Kerajaan melaksanakan beberapa langkah, di antaranya meluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat dan melancarkan portal "MyProcurement" untuk menyebarkan maklumat berkaitan perolehan kerajaan dan meningkatkan ketelusan urusan tender.

Untuk NKRA Meningkatkan Pendidikan, memberi fokus utama terhadap pendidikan pra-sekolah, di mana sebanyak 1,358 buah kelas baru telah bermula pada bulan Januari, yang memberi manfaat kepada 54,569 kanak-kanak. Selain itu, kesemuanya 9,816 buah sekolah rendah pelbagai aliran telah dinilai mengikut **ranking**, supaya mengetahui kekuatan dan kelemahan secara perbandingan. **School Improvement Toolkit** telah diperkenalkan kepada semua sekolah untuk memberi tumpuan dan panduan kepada empat (4) fokus utama, iaitu, pengetua, guru, pelajar dan infrastruktur untuk mempertingkatkan prestasi pelajar. Kadar '**literacy**' telah mencapai 85% dan kadar '**numeracy**' 91% untuk murid-murid pada darjah 1.

Kerjasama yang erat telah terjalin antara Unit Pengurusan Pelaksanaan dan Prestasi (PEMANDU) dan kementerian-kementerian yang terlibat untuk pemantauan dan pelaksanaan program-program di bawah NKRA.

Hampir setiap hari pegawai daripada kedua-dua pihak berhubung dan berunding untuk memastikan setiap perjalanan kerja berjalan dengan lancar.

Mesyuarat "Problem Solving Meeting" sering kali diadakan bersama kementerian dan agensi-agensi yang terlibat bersama Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU untuk bertumpu membincangkan masalah-masalah yang dihadapi dan mencari jalan penyelesaiannya. Pihak kementerian yang berkenaan bersama PEMANDU melaporkan perkembangan yang dikecapi kepada YAB Timbalan Perdana Menteri di dalam mesyuarat "Delivery Task Force (DTF)" bagi setiap NKRA sekali dalam sebulan.

Walaupun kebanyakan pelaksanaan NKRA berjalan lancar mengikut jadual, namun, transformasi sememangnya memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda dan cara mengurus. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Kerajaan memerlukan dan mengalu-alukan maklumbalas, kritikan yang membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak supaya langkah-langkah GTP ini dapat terus dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian kerajaan dan mencapai hasil yang lebih besar dan bermakna bagi rakyat pada masa yang terdekat ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]
TARIKH : 22 MAC 2011 (SELASA)
SOALAN :

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sasaran spesifik dan langkah utama yang telah digariskan oleh Talent Corporation setakat ini untuk mencapai

objektif penubuhannya. Nyatakan cabaran dan negara saingan yang dihadapi dalam mengekal dan menarik golongan pakar, profesional dan berkemahiran ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

Sehingga kini, TalentCorp telah menggariskan tiga (3) pendekatan yang mendokong cita-cita Program Transformasi Ekonomi. Pertama, menganalisa isu-isu berkaitan dengan diaspora Malaysia dan mengenal pasti mekanismes yang boleh digunakan untuk mengoptimumkan kepakaran mereka walau di manapun mereka berada. Kedua, kaedah untuk memfasilitasi proses kemasukan pakar asing yang berkemahiran tinggi untuk bekerja dan tinggal di Malaysia serta menyumbang ke arah pembangunan negara. Ketiga, cara-cara untuk mengurangkan aliran keluar modal insan dari Malaysia. Selain itu, pelbagai program untuk mencungkil dan membangun bakat tempatan yang berpotensi juga sedang diusahakan.

Inisiatif polisi baru seperti penyediaan Pas Residen, pemansuhan keperluan understudy dan mengiklankan jawatan eksekutif, serta kelonggaran kepada pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Awam untuk berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta yang lain sebagai membayar balik tempoh kontrak menjadi pemangkin ke arah penghasilan talent pool yang diperlukan. Salah satu program sedia ada, Program Pakar (Returning Expert Program - REP) sedang dinilai dan ditambahbaik dari segi insentif dan mekanisme pelaksanaan.

TalentCorp akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan, termasuk awam dan swasta dalam menyumbang ke arah usaha pewujudan modal insan berkepakaran yang diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi.

DARIPADA : PUAN TAN AH ENG

[GELANG PATAH]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2011

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengurangkan Cabutan Khas bagi syarikat judi Magnum, TOTO dan Damacai, sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan

sebanyak dua puluh [20] hari cabutan khas pada tahun ini untuk dijalankan secara serentak oleh semua operator nombor ramalan ([NFO] di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Jumlah ini adalah sama dengan tahun lepas dan menunjukkan pengurangan sebanyak tujuh [7] hari berbanding cabutan khas tahun 2009 yang berjumlah dua puluh tujuh [27] hari.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)

TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT

22 Mac 2011 (SELASA)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk meningkatkan kapasiti atau penyelenggaraan loji kumbahan IWK di kawasan-kawasan pembangunan lama.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin memaklumkan bahawa kawasan pembangunan lama, terdapat loji-loji persendirian yang masih diselenggarakan sendiri oleh pemilik bangunan melalui pelantikan operator persendirian. Bagi loji-loji yang telah diserahkan kepada Kerajaan, loji tersebut dikategorikan sebagai loji kumbahan awam. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) selaku pemegang konsesi perkhidmatan pembetulan awam dipertanggungjawabkan untuk menjalankan operasi dan penyelenggaraan loji-loji berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian saya sedia maklum akan keperluan meningkatkan secara berterusan kapasiti dan tahap penyelenggaraan loji kumbahan awam di kawasan pembangunan lama yang dikendalikan oleh IWK. Tindakan sedemikian sangat perlu bagi memastikan kualiti efluen yang mematuhi piawaian akan memelihara aiam sekitar, melindungi sumber air dan yang paling penting sekali memastikan kesihatan awam.

Selari dengan kesedaran tersebut, Kementerian saya melalui Jabatan Perkhidmatan Pebetungan sentiasa berusaha meningkatkan kapasiti loji-loji awam dengan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf loji agar dapat menampung aliran kumbahan sejajar dengan pembangunan di kawasan tersebut. Loji-loji yang menggunakan sistem rawatan lama seperti kolam oksidasi akan dinaik taraf kepada sistem mekanikal yang boleh menampung aliran kumbahan yang lebih tinggi berbanding loji jenis konvensional dengan keluasan tapak yang sama. Dengan kemampuan loji-loji yang dapat menampung aliran kumbahan yang lebih tinggi, kerja-kerja rasionalisasi loji-loji kecil dan penyambungan ke premis-premis akan dilaksanakan dalam usaha mengurangkan bilangan loji kecil yang kurang efisien dan tidak ekonomik.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada kerja menaik taraf, Kementerian juga turut melaksanakan program membaik pulih loji-loji kritikal yang gagal mematuhi piawaian yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar. Kerja-kerja membaik pulih akan memberi fokus kepada kriteria-kriteria seperti kemampuan rawatan, keselamatan, prestasi peralatan mekanikal, prestasi peralatan elektrik, kebersihan dan estetik. Program membaik pulih yang dilaksanakan tidak terhad kepada loji sahaja, malah program ini juga melibatkan kerja-kerja pemeriksaan rangkaian paip pebetungan bagi mengesan integriti dan tahap kerosakan rangkaian paip pebetungan lama. Rangkaian paip pebetungan yang

kritikal akan dibaik pulih dan dipastikan mampu menampung aliran kumbahan.

PERTANYAAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN 22 MAC 2011 (SELASA)

TARIKH

NO.51

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan bagi menggalakkan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan menubuhkan **Parlimen Mahasiswa** sebagaimana program rintis di **Universiti Sains Malaysia**.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya menyokong dan menggalakkan pelaksanaan program-program pembangunan sahsiah pelajar di institusi pengajian tinggi termasuk melalui pembentukan **Parlimen Mahasiswa**. Sesuai dengan kuasa autonomi yang ada pada IPT, Naib-Naib Canselor telah diberi kuasa dalam menguruskan hal-hal berkaitan perkara ini di IPT masing-masing. Tujuan penubuhan **Parlimen Mahasiswa** adalah sebagai satu platform untuk pelajar memberi pandangan dan pendapat terhadap isu-isu semasa dalam

dan luar negara. Menerusi Parlimen Mahasiswa juga, pelajar-pelajar yang terpilih menganggotainya akan dapat pengalaman yang tentunya berguna untuk mereka menjadi rakyat Malaysia yang bertanggungjawab terutama apabila bergraduasi nanti.

Setakat ini Universiti Sains Malaysia yang melaksanakan model Parlimen Mahasiswanya yang tersendiri secara rasmi pada 23 Oktober 2010 dengan dikenali sebagai Dewan Penggulungan Pelajar atau singkatannya DPP.

PERTANYAAN : **BAGI JAWAPAN LISAN**

DARIPADA **DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

TARIKH **22 MAC 2011 (SELASA)**

SOALAN **52**

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bahawa menurut Akta Pengangkutan Jalan bilangan notis atau saman yang dikeluarkan terhadap pemandu-pemandu yang melanggar peraturan setiap tahun di seluruh Negara. Apakah tindakan yang disyorkan bagi pesalah yang tidak menjelaskan notis atau saman.

JAWAPAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut perangkaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah saman yang dikeluarkan sepanjang tahun 2006 sehingga 2010 adalah sebanyak 3,194,746 saman manakala jumlah notis yang dikeluarkan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 134,427

notis. Perincian jumlah saman dan notis mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BIL. SAMAN	BIL. NOTIS
2006	566,666	6,948
2007	498,537	7,802
2008	573,348	16,784
2009	822,098	40,368
2010	734,097	62,525
JUMLAH KESELURUHAN		134,427

Kesemua saman dan notis yang dikeluarkan adalah di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (ALPKP) 1987.

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan yang diambil terhadap pemandu atau pemilik kenderaan yang engkar notis atau gagal menjeiaskan saman adalah dengan menyekat urusan pembaharuan Lesen Memandu (LM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) selaras dengan kuasa di bawah Seksyen 17(1)(d) dan 29(1 A) APJ 1987. Walau bagaimanapun, sekatan urusan akan ditarik balik selepas notis atau saman tersebut diselesaikan.

PEMBERITAHUAN
DEWATAN RAKYAT MALAYSIA

BERTANYAAN
DARI PADA

LISAN
DATO' SRI ZULHASNAN RAFIQUE

KAWASAN

TITIWANGSA

TARIKH

22.03.2011 (SELASA)

NO. SOALAN

Y.B. DATO' SRI ZULHASNAN RAFIQUE minta MENTERI
PERDAGANGAN **MS3** ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan apakah skim bantuan yang telah
dan akan diberikan kepada pemegang-pemegang
syarikat AP kenderaan sekiranya pemilikan AP ditarik balik oleh
Kerajaan suatu masa kelak.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang diumumkan di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) pada 28 Oktober 2009, Sistem Lesen Import (AP) bagi pengimportan kenderaan akan dihapuskan, iaitu Sistem AP Terbuka bagi kenderaan terpakai menjelang 31 Disember 2015 dan AP Francais bagi kenderaan baru pada 31 Disember 2020.

Kerajaan dalam usaha membantu syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka, telah menubuhkan satu Dana Automotif Bumiputera. Dana ini akan membantu syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka untuk memperluas dan mempelbagai perniagaan berkaitan industri

automotif yang lain seperti menjadi pengedar atau wakil jualan bagi pemegang francais, sektor perkhidmatan berkaitan automotif dan juga pengeluaran komponen dan alat ganti kenderaan.

Dalam hal ini, sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2010, setiap AP Terbuka yang dikeluarkan kini dikenakan caj sebanyak RM10,000. Sebahagian kutipan caj ini akan digunakan untuk Dana tersebut.

Dengan ini, Kerajaan dapat memastikan penglibatan berterusan Bumiputera dalam industri automotif negara.

DARIPADA TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
(IPOH BARAT)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 22.03.2011

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson (Ipoh Barat) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan

- a) Apakah tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap Syarikat BESTINO Group Berhad yang mengutip wang deposit tanpa lesen serta langkah pemulihan yang dikenal pasti untuk mengembalikan wang pelabur BESTINO sebanyak RM400 juta; dan
- b) Jumlah kes skim cepat kaya dan skim pelaburan emas dilaporkan serta jumlah aset yang telah dibekukan oleh Bank Negara Malaysia dalam 5 tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Bestino Golden House Sdn. Bhd. dan pengarah-pengarahnya telah didakwa di Mahkamah Seksyen Ipoh, Perak pada 23 Februari 2011 di bawah

peruntukan undang-undang berikut:

- (i) Seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) berkaitan pengambilan deposit tanpa lesen yang sah di bawah subseksyen 6(4) BAFIA; dan**
- (ii) Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 berkaitan pengubahan wang haram yang diperoleh hasil daripada aktiviti pengambilan deposit tanpa lesen.**

2. Jumlah keseluruhan pertuduhan yang dikenakan ke atas syarikat dan pengarah-pengarahnya adalah sebanyak 327 pertuduhan. Manakala kedudukan wang yang disita dari Bestino Golden House Sdn. Bhd hanya akan diputuskan oleh Mahkamah setelah kes pendakwaan ini selesai. Bagi menyemak butiran lanjut mengenai status dan keputusan kes tersebut di mahkamah, orang ramai boleh merujuk kepada laman sesawang Bank Negara Malaysia iaitu www.bnm.gov.my dan fraudalert.bnm.gov.my.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memantau aktiviti skim pengambilan deposit haram yang melanggar peruntukan undang-undang di bawah BAFIA.

4. Dari tahun 2006 sehingga 2010, BNM telah menyiasat sebanyak 26 buah syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti skim pengambilan deposit haram yang membabitkan bilangan pelabur melebihi 400,000 orang dengan jumlah kutipan pelaburan melebihi RM3.2 bilion. Daripada 26 buah syarikat tersebut, enam syarikat adalah terlibat dalam skim pelaburan emas.

5. Bagi statistik tahun 2010, empat kertas siasatan telah dibuka bagi menyiasat aktiviti pengambilan deposit tanpa lesen di bawah BAFIA dan tiga kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

6. Pada tahun 2010 juga, sebanyak empat syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti skim pengambilan deposit haram telah dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan perundangan, iaitu:

- (i) Cantuman Budi Sdn Bhd;
- (ii) Silvercoin Resources Sdn Bhd;
- (iii) Asia Ceramic Marketing Sdn Bhd; dan
- (iv) Geneva (M) Sdn Bhd.

7. Orang ramai boleh merujuk kepada laman sesawang Bank Negara Malaysia iaitu www.bnm.gov.my dan fraudalert.bnm.gov.my bagi menyemak butiran lanjut mengenai status perjalanan kes-kes tersebut di mahkamah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB
(MARAN)**

TARIKH **22.03.2011**

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan terhadap peningkatan pembangunan pelajaran dan pendidikan di negara ini seolah-olah tiada landasan untuk dijadikan garis panduan seperti sebelum ini terdapat "PENYATA ABD RAHMAN TALIB, PENYATA RAZAK" dan lain-lain. Adakah kerajaan melalui Kementerian Pelajaran berhasrat untuk mewujudkan sebuah "PENYATA PELAJARAN BARU" yang lebih jelas dan terarah yang boleh diterima pakai kepada pembangunan pelajaran di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menjayakan tranformasi sistem pendidikan kebangsaan. KPM juga akan meneliti secara menyeluruh dasar-dasar yang sedang dilaksanakan dan dasar yang baru diperkenalkan. Langkah ini bertujuan supaya tiada sebarang pertindihan dengan dasar yang telah dilaksanakan sebelum ini. KPM berpandangan pendokumentasian semula semua dasar dan garis panduan berkaitan pendidikan perlu dilakukan. Namun, perkara ini perlu dilakukan secara berhati- hati tanpa membelakangkan dokumen-dokumen yang digunapakai ketika ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO (KLANG)
TARIKH	22.03.2011

SOALAN

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan rasional Kerajaan untuk masih menggunakan buku Interlok walau pun ada bantahan daripada rakyat Malaysia dan mengapa Kerajaan tidak menggunakan buku sastera lain.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah rnengambil tindakan sewajarnya berkaitan isu novel Interlok dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 5 bagi Zon 2 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu panel bebas yang telah ditubuhkan oleh KPM sedang meneliti dan mengkaji kandungan novel tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah kajian terhadap novel ini selesai.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN**

**DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
(RANAU)**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

22 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

NO. 57

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan bilakah sebenarnya projek bekalan air di Kundasang dilaksanakan. Projek tersebut seharusnya dilaksanakan dalam RMKe-9 melalui pengumuman yang dibuat beberapa kali oleh Kerajaan negeri dengan peruntukan RM10 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek Bekalan Air Kundasang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dengan siling sebanyak RM9.5 juta. Peruntukan tersebut adalah untuk menjalankan kerja-kerja awalan seperti menyediakan reka bentuk sistem bekalan air dan pengambilan baliktanah. Kerja-kerja tersebut telah siapkan dalam RMKe-9.

Tuan Yang Dipertua,

Cadangan pelaksanaan fizikal projek tersebut telah dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Memandangkan peruntukan untuk *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 terhad dan mengutamakan projek-projek sambungan RMKe-9 yang sedang dalam pembinaan, Kementerian saya telah meminta Kerajaan Negeri Sabah untuk mengemukakan semula cadangan tersebut untuk dipertimbangkan semula oleh Kerajaan di bawah *Rolling Plan* Kedua RMKe-10. Pelaksanaan Projek tersebut boleh dimulakan pada awal 2012 sekiranya tersenarai di bawah *Rolling Plan* Kedua RMKe-10.

NO. SOALAN: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH 22 MAC 2011
SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah doktor pelatih (houseman) dan latihan doktor pelatih (houseman) di hospital pada tahun 2010, 2011 dan untuk 5 tahun ke depan dan apakah langkah- langkah yang diambil untuk mengekalkan mutu latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pegawai Perubatan yang telah dilantik pada tahun 2010 untuk berkhidmat di hospital-hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ialah 3,277 orang. Manakala bagi tahun 2011, sehingga 28 Februari 2011, seramai 322 orang Pegawai Perubatan telah dilantik untuk tujuan yang sama. Dianggarkan sehingga Disember 2011, bilangan Pegawai Perubatan yang dilantik adalah antara 3,000 hingga 3,500 orang. Untuk tempoh

5 tahun yang akan datang, adalah dianggarkan purata bekalan Pegawai Perubatan adalah seramai 4,000 orang setahun.

Untuk pengetahuan Ahli yang Berhormat, Program Latihan bagi Pegawai Perubatan Siswazah adalah merupakan satu keperluan di bawah Akta Perubatan 1971. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada graduan perubatan bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran melaksanakan prosedur-prosedur asas klinikal supaya mereka dapat diperakukan sebagai pegawai perubatan yang kompeten dan selamat kerana tugas mereka melibatkan nyawa dan kualiti hidup pesakit.

Bagi meningkatkan lagi kualiti Pegawai Perubatan Siswazah (PPS), tempoh latihan siswazah telah dilanjutkan dari satu tahun kepada dua tahun mulai tahun 2008. Dalam tempoh ini, PPS perlu menjalani latihan dalam enam (6) disiplin asas iaitu Perubatan, Pembedahan, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik, Ortopedik dan Perubatan Kecemasan & Trauma atau Anestesia selama sekurang-kurangnya empat (4) bulan bagi setiap penempatan.

Semasa menjalani latihan ini, mereka akan dibimbing oleh Pegawai Perubatan Pakar dalam memberikan perawatan kepada pesakit meliputi semua aspek dan turut dibantu oleh pegawai perubatan yang lebih kanan. Prestasi mereka meliputi pengetahuan, kemahiran dan sikap akan dipantau secara berterusan dan penilaian dibuat secara berkala berdasarkan pemerhatian semasa mereka melaksanakan tugas-tugas rutin di wad, klinik, bilik bedah dan lain-lain termasuklah

prosedur-prosedur yang perlu dilakukan mengikut keperluan yang ditetapkan dalam buku log. Bagi PPS yang tidak dapat menunjukkan prestasi yang memuaskan, tempoh latihan mereka akan dilanjutkan sehingga maksimum 1 tahun.

SOALAN NO: m

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]

TARIKH : 22 MAC 2011

SOALAN:

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Apakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mengadakan Pilihan Raya Kecil Parlimen Batu Sapi, DUN Galas dan DUN Tenang baru-baru ini; dan
- (b) Apakah jumlah perbelanjaan (peruntukan atau sumbangan) Kerajaan semasa tempoh berkempen di ketiga-tiga kawasan

SOALAN NO: 4§ S3

tersebut.

bagi menampung setiap kos perbelanjaan _ dan perkhidmatan yang digunakan untuk setiap pilihan raya kecil yang dijalankan. Ini kerana acara seperti ini melibatkan banyak perkara seperti pengangkutan, tempat tinggal, makanan serta minuman dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.:

**PEMBERJTAHUA
N PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L
KAWASAN SUNDARAM
KAPAR**

TARIKH 22 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

**Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)
minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan siapakah pemegang-
pemegang saham Syarikat Touch n Go dan adakah Touch n Go
telah melanggar Akta Persaingan yang diluluskan tahun lepas.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sehingga 28 Februari 2011, maklumat mengenai pemegang saham dan kepentingan ekuiti syarikat Touch N Go Sdn. Bhd. (TNGSB) ialah seperti berikut:

- (1) CIMB Groups Holdings : 52.2%;**
- (2) MTD Capital Berhad : 27.8%; dan**
- (3) PLUS Expressways Berhad : 20.0%.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mulai 1 Julai 2004 telah memutuskan supaya sistem kutipan tol elektronik di semua lebuh raya diseragamkan menerusi sistem kad elektronik tunggal, iaitu Touch n Go sahaja. Dasar tersebut bertujuan untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada para pengguna. Ini kerana sebelum ini terdapat pelbagai kad Kutipan Tol Elektronik (ETC) yang dikeluarkan oleh beberapa syarikat pengendali konsesi lebuh raya untuk kegunaan eksklusif di lebuh raya yang dikenakan sahaja. Berikutan itu, ia telah menimbulkan kekeliruan dan kesulitan di kalangan pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa kini Kerajaan sedang meneliti Kertas Cadangan dari beberapa

syarikat swasta untuk melaksanakan Sistem Tol Tanpa Henti (*Multi Lane Free Flow - MLFF*). MLFF merupakan antara langkah proaktif oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol, di samping penggunaan sistem ETC sedia ada melalui penggunaan kad Touch *N' Go dan Smart TAG. Pada masa kini Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sedang menguji sistem MLFF ini di beberapa plaza tol terpilih, seperti di Plaza Tol Batu Tiga, Shah Alam dan Plaza Tol Sg. Penchala di Lebuh Raya Damansara-Puchong.

Sehubungan itu, dasar penggunaan ETC ini bukanlah dihadkan untuk syarikat tertentu sahaja kerana Kerajaan juga akan menimbangkan cadangan dari syarikat-syarikat lain yang boleh memberikan nilai dan faedah yang terbaik kepada pengguna.

Sekian. Terima kasih.
DARIPADA TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 22.03.2011

Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kedudukan mutakhir 19 bank komersial dari segi dasar, komitmen, penawaran produk dan perkhidmatan kepada para

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

pengguna berikutan penstrukturan semula bank asing dan tempatan dan apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan dan pembangunan bank tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, persekitaran kewangan mutakhir ini memperlihatkan ciri sektor perkhidmatan kewangan yang lebih berdaya saing dengan institusi-institusi kewangan yang lebih kukuh, mampan dan berdaya saing. Kedudukan ini membolehkan institusi kewangan ini menyokong proses pengantaraan kewangan secara efektif dan efisien bagi memenuhi keperluan-keperluan ekonomi. Penawaran produk dan perkhidmatan kewangan kini juga lebih pelbagai, iaitu daripada perkhidmatan perbankan asas kepada produk kewangan yang lebih canggih dan kompleks menerusi saluran penyampaian yang dipertingkatkan. Pada suku keempat 2010, sistem perbankan secara keseluruhannya mempunyai tahap permodalan yang kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio, RWCR*) pada 14.6% dan saiz modal asas berjumlah RM148.3 bilion. Kualiti pinjaman juga kekal stabil dengan kadar pinjaman tak berbayar (*non performing loans, NPL*) bersih pada nisbah 2%.

2. Prestasi dan keupayaan bank-bank perdagangan telah meningkat dengan ketara hasil daripada pelbagai usaha mempertingkatkan kapasiti yang telah dilaksanakan termasuklah langkah penggabungan *industry wide* yang telah dilaksanakan dengan jayanya. Ini dapat dilihat menerusi pencapaian seperti berikut:

(i) Institusi-institusi perbankan tempatan lebih berdaya saing, cekap dan dinamik, disokong oleh tadbir urus korporat yang lebih teguh, struktur dalaman yang cekap, amalan pengurusan risiko yang teguh dan sumber pendapatan yang pelbagai.

(ii) Institusi-institusi perbankan tempatan juga telah meneroka ke luar negara dan meraih manfaat daripada peluang-peluang perniagaan baru. Pada akhir tahun 2010, enam kumpulan perbankan domestik mempunyai operasi luar negara di 19 negara di seluruh dunia dengan anggaran sumbangan sehingga 39.3% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan perbankan domestik.

3. Pengeluaran lesen-lesen perbankan perdagangan baru kepada 5 institusi perbankan asing yang diumumkan di bawah liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan pada April 2009 dijangka menambahkan lagi kepelbagaian sektor perkhidmatan kewangan Malaysia, menyokong bidang pertumbuhan baru dan ekonomi sasaran serta membantu dalam transformasi ekonomi Malaysia ke arah mencapai status ekonomi bernilai tambah dan berpendapatan tinggi.

4. Penyertaan institusi-institusi perbankan baru ini juga akan

memperkuat dan mempertingkatkan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan Malaysia dengan negara-negara lain. Pengeluaran satu lesen perbankan perdagangan kepada sebuah bank daripada China yang telah memulakan operasi pada April 2010, serta kepada sebuah konsortium perbankan daripada India secara khususnya, dijangka akan memperkuat pengaturan dua hala antara Malaysia dengan Republik Rakyat China dan India.

5. Dengan pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan untuk tempoh 10 tahun kini hampir selesai, satu rangka tindakan sedang dirumus untuk merangka transformasi sektor kewangan untuk dekad seterusnya. Rangka tindakan yang baru akan menggariskan strategi-strategi untuk mengembangkan lagi sektor kewangan secara keseluruhannya bagi menyokong dan memacu fasa pembangunan ekonomi Malaysia seterusnya. Ini akan merangkumi strategi-strategi untuk mencapai struktur kewangan yang terbaik untuk Malaysia, pembiayaan untuk bidang-bidang pertumbuhan baru, pembangunan pasaran kewangan, pembangunan tenaga mahir serta pengukuhan kesalinghubungan antarabangsa dan integrasi kewangan serantau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

22 PERTANYAAN
DARIPADA
KAWASAN
TARIKH

Y.B. TUAN TAN KOK WAI CHERAS
MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan kos pembaikan dan pemulihan bangunan Parlimen semenjak tahun 2005 dan bagaimanakah perkembangan dan kemajuan kerja-kerja membaik pulih bangunan Parlimen terkini dan sejauh manakah kerosakan struktur yang berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Bangunan Parlimen Malaysia telah mula beroperasi sejak tahun 1962. Sepanjang tempoh tersebut, beberapa kerja pengubahsuaian dan baik pulih telah dilakukan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun kebanyakan kerja-kerja pengubahsuaian di bangunan warisan negara ini dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat, iaitu mengambil kira Takwim Mesyuarat Persidangan Parlimen diadakan.

Pengubahsuaian dan penambahbaikan utama Bangunan Parlimen yang terakhir ialah melibatkan kerja-kerja hiasan dalaman yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2005 dengan kos sebanyak RM91 juta. JKR juga pada tahun 2007 telah melaksanakan kerja-kerja penggantian lapisan kalis air bumbung rata di Blok Dewan Parlimen dengan kos sebanyak RM9.5 juta. Di samping itu, susulan daripada beberapa insiden kerosakan dan kebocoran di Bangunan Parlimen, JKR juga telah melaksanakan beberapa kerja-kerja penyelenggaraan, termasuk membaik pulih kawasan bumbung di atas kafeteria Ahli Parlimen yang bocor pada akhir bulan November 2010 yang lalu.

Setelah menghampiri usia 50 tahun beroperasi, terdapat beberapa kerosakan dan kecacatan telah ditemui di Bangunan Parlimen. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya pada tahun 2008 telah mengambil inisiatif dan tindakan proaktif dengan menubuhkan Pasukan Khas Jurutera Pakar JKR yang diketuai sendiri oleh Ketua

Tuan Yang Di-Pertua;

Pengarah JKR dan dianggotai oleh pegawai JKR dari pelbagai disiplin seperti kejuruteraan sivil dan struktur, arkitek dan MscE. Pasukan Khas JKR ini bertanggungjawab membuat pemeriksaan mengenai tahap keselamatan secara keseluruhannya di Bangunan Parlimen, Malaysia.

Laporan mengenai kajian terperinci tahap kerosakan di Bangunan Parlimen telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 12 Mei 2010 yang lalu. Antara kerosakan dan kecacatan yang ditemui oleh Pasukan Khas JKR ialah seperti berikut:

- (1) keretakan dan kemerosotan ketahanan pada panel *facade* akibat faktor hakisan;**
- (2) kemerosotan terhadap tahap kekuatan dan ketahanan struktur konkrit; dan**
- (3) sistem elektrik dan mekanikal (MscE) yang telah usang dan perlu diganti.**

jemaah Menteri telah meneliti beberapa alternatif dan opsyen yang dibentangkan mengenai Cadangan Membaik Pulih dan Menaik Taraf Bangunan Parlimen pada 5 Januari 2011. Berikutan itu jemaah Menteri bersetuju supaya kementerian ini membentangkan cadangan secara terperinci mengenai kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf Bangunan Parlimen, termasuk implikasi kos, jadual kerja dan aspek-aspek yang berkaitan, dengan mengambil kira keputusan seperti berikut:

Tuan Yang Di-Pertua;

- (1) mengubahsui Dewan Serbaguna sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat sementara;**
- (2) mengubahsui dan memulihara Bangunan parlimen sedia ada; dan**
- (3) membina blok pejabat Ahli Parlimen dengan kemudahan 1,000 petak tempat letak kereta.**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Memorandum mengenai perkara tersebut akan dibentangkan dalam tempoh masa terdekat ini untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Oleh itu, peruntukan RMKe-10 bagi melaksanakan projek tersebut akan ditentukan oleh Agensi Pusat setelah kelulusan prinsip untuk melaksanakan projek ini diperoleh dari jemaah Menteri.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUANKHALID BIN ABDUL SAMAD

TARIKH : 22 MAC 2011(SELASA)

SOALAN :

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status India Muslim di sisi Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan apakah perancangan Kerajaan untuk membantu membangunkan ekonomi masyarakat mereka.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa kaum India Muslim merupakan salah satu kaum yang penting di negara ini. Penglibatan kaum India Muslim khususnya dalam bidang ekonomi seperti pengurusan restoran, barang kemas, tekstil, agensi pelancongan, perniagaan runcit, pertukaran wang

asing dan sebagainya yang telah memajukan ekonomi negara amat diberi perhatian dan diiktiraf oleh Kerajaan.

Bagi menjawab persoalan mengenai status India Muslim di sisi Perlembagaan Persekutuan, kaum India Muslim mempunyai hak yang sama seperti kaum-kaum lain yang dilindungi oleh Kerajaan khususnya di sisi Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan sentiasa menjamin hak dan kepentingan setiap warganegara Malaysia termasuklah kaum India Muslim. Jaminan ini diperuntukkan dengan jelas di bawah Fasal (1) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa “menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan anak negeri mana-mana Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.”

Oleh yang demikian, hak-hak dan kepentingan warganegara termasuklah kaum India Muslim adalah terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan kaum India Muslim juga mendapat hak-hak dan kepentingan sebagaimana yang dinikmati oleh warganegara Malaysia yang lain tanpa mengira agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina.

Selain itu, kaum India Muslim juga tidak dipinggirkan dari arus pembangunan ekonomi dan diberikan peluang sama rata dengan

warganegara lain. Menerusi program dan projek Rancangan Malaysia Ke-10 yang telah dirancang, kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah dari kalangan kaum India Muslim adalah layak untuk mendapat manfaat dari program-program yang diselaraskan oleh kementerian dan agensi pelaksana. Kumpulan ini juga boleh mendapatkan faedah-faedah lain mengikut syarat yang telah ditetapkan mengikut program tertentu seperti perumahan kos rendah, perumahan rakyat, perumahan khas estet, projek penjanaan pendapatan dan latihan kemahiran serta program pembiayaan kredit mikro untuk perniagaan dan keusahawanan. Bantuan khusus melalui jaringan keselamatan sosial turut disediakan kepada isi rumah yang layak..

Sekian. Terima kasih.

?

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN
ENDUT

DARIPADA KUALA TERENGGANU

22 MAC 2011 (SELASA)

KAWASAN

TARIKH

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan tahap jaminan keselamatan struktur Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin Kuala Terengganu yang telah dibersihkan sisa runtuh bumbung untuk digunakan semula.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu merupakan projek Kerajaan Negeri Terengganu yang dilaksanakan di bawah peruntukan Dana Khas. Projek bernilai RM292.9 juta ini telah disiapkan bulan Mei 2008. Walau bagaimanapun, sebahagian dari bumbung utama stadium tersebut telah runtuh pada 2 Jun 2009 dan ia terpaksa ditutup untuk kegunaan orang ramai.

Keseluruhan kerja-kerja pembersihan sisa keruntuhan bumbung stadium berkenaan telah disiapkan pada bulan Januari 2011 yang lalu. Kementerian Kerja Raya dimaklumkan bahawa pada masa kini Kerajaan Negeri Terengganu sedang dalam proses akhir untuk melantik jurutera perunding pakar bagi menilai tahap keseluruhan integriti struktur bangunan stadium tersebut. Sehubungan itu, tahap keselamatan struktur bangunan stadium itu hanya akan dapat ditentukan setelah Kerajaan Negeri menerima laporan jurutera perunding berkenaan yang dijangka akan mengambil tempoh masa 3 bulan untuk disiapkan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

NO. SOALAN :

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)

TARIKH : 22 MAC 2011

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan tujuan dan komposisi Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Mengukuhkan Strategi Komunikasi Kerajaan (*Cabinet's Special Committee to Strengthen the Government's Communications Strategy*) dan apakah bidang kuasa Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut untuk mengesahkan Garis Panduan Media Internet (*Internet Media Guidelines*) bagi menjelaskan undang-undang sedia ada yang telah digubal oleh Parlimen.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Pengukuhan Strategi Komunikasi Kerajaan dianggotai oleh YB Dato' Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri dan Yang Berbahagia Peguam Negara, Tan Sri Abdul Ghani Patail.

Jawatankuasa ini bermesyuarat untuk menyelaraskan penyebaran maklumat yang benar dan tepat kepada orang ramai dan rakyat melalui pelbagai medium media cetak dan elektronik. Mesyuarat ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam melaksanakan tanggungjawab ini.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM NO. AUP

: &C

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LO' LO* BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]

TARIKH : 22 MAC 2011

RUJUKAN : 3399

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian menyiasat laporan dan kenyataan Migrant Care tentang seorang Menteri merogol amah dan adakah Kementerian menyedari NGO ini masih mempertahankan laporan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Titiwangsa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini,
pada masa ini kes yang dimaksudkan masih dalam siasatan PDRM.

Soalan No: 67

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS

PEMBENTANGAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK

DAGANG (KANOWIT)

TARIKH : 22 MAC 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sebab-sebab pelaksanaan projek kemudahan asas di bawah NKRA bagi negeri Sarawak tidak dapat dimulakan dengan secepat mungkin dan disiapkan dalam jangka masa 3 tahun yang ditetapkan iaitu penghujung tahun 2012.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah **Government Transformation Programme (GTP)** Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), KKLW telah dipertanggungjawabkan bagi menerajui pembangunan infrastruktur asas luar bandar bagi tempoh 2010 hingga 2012 di

seluruh Malaysia. Di bawah NKRA infrastruktur asas luar bandar 4 bidang tumpuan diberi keutamaan iaitu;

- i) Menghubungkan rakyat kepada pusat-pusat sosial dan ekonomi melalui pembinaan/naik taraf sepanjang 2,500km jalan perhubungan luar bandar (JALB).
- ii) Menyalurkan air bersih atau yang dirawat kepada 360,000 buah rumah melalui program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).
- iii) Membekalkan tenaga elektrik 24 jam kepada 140,000 buah rumah di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB); dan
- iv) Membina/membaik pulih sebanyak 50,000 buah rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Pelaksanaan NKRA di Sarawak merangkumi Program JALB sepanjang 1,000 km, menyalurkan bekalan air melalui Program BALB sebanyak 92,100 buah rumah, menyambungkan bekalan elektrik melalui Program BELB kepada 77,900 buah rumah dan membina serta menaiktaraf rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar sebanyak 16,700 unit di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Bersama-sama ini disertakan juga maklumat Pencapaian NKRA Infrastruktur Asas Luar Sehingga 28 Februari 2011 bagi Negeri Sarawak:

JALB- 293.04KM BALB-

4,004 BUAH

RUMAH

BELB- 12,876 BUAH RUMAH

PBR - 7,331 BUAH RUMAH

Dalam memperkatakan mengenai sebab-sebab pelaksanaan projek NKRA bagi negeri Sarawak bermula agak lewat adalah disebabkan oleh beberapa perkara

antaranya:

PROGRAM JALAN LUAR BANDAR (JALB)

Isu utama yang dibangkitkan adalah mengenai isu bekalan bitumen dan batu terutama sekali di kawasan pedalaman yang menyebabkan kenaikan kos harga bahan tersebut. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri dan JKR telah bersetuju mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pembekal bahan-bahan tersebut dan akan memantau dan memastikan bahawa bekalan-bekalan ini akan mencukupi pada masa akan datang supaya sasaran NKRA JALB boleh dicapai bagi negeri Sarawak.

PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB)

Kekurangan sumber bekalan air di Sarawak itu sendiri menjadi halangan utama bagi melaksanakan projek NKRA. Justeru itu, bagi mengatasi masalah berkenaan, KKLW dan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menaiktaraf 7 buah loji dan membina satu buah pusat rawatan air pada tahun 2011 bagi menampung keperluan sumber air penduduk di negeri tersebut. Dengan menaiktaraf dan membina loji serta pusat rawatan air ini, adalah dijangkakan sasaran BALB boleh dicapai pada penghujung tahun 2012.

Walaupun tiada isu-isu kelewatan yang berbangkit bagi **PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR (BELB) DAN PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR)** di negeri Sarawak dan pelaksanaan kedua-dua program ini mengikut jadual yang telah ditetapkan dan dijangka akan dapat dicapai pada penghujung tahun 2012.

SOALAN NO:

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH SELASA, 22 MAC 2011

RUJUKAN 04 [PR-000-L43012]

SOALAN

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan bagaimanakah projek pembangunan di bawah Pelan "Greater Kuala Lumpur" diberikan serta bolehkah Menteri senaraikan lantikan syarikat melalui tender terbuka dan rundingan terus dan nilai setiap projek yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Tun Razak,

Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme) mempunyai 131 Projek-projek Permulaan (Entry Point Projects) dan 60 Peluang-peluang Perniagaan (Business Opportunities).

Pembiayaan projek-projek dijangka merangkumi hanya 8% daripada sektor awam, manakala baki 92% dibiayai terus daripada sektor swasta. Dalam keadaan di mana sesebuah projek itu memerlukan pembiayaan daripada Kerajaan, proses tender secara terbuka adalah merupakan sebuah proses semula jadi atau "default process".

Dalam kes-kes tertentu, pemberian tender melalui proses "competitive bidding" secara jemputan atau rundingan terus mungkin di lakukan. Ini berdasarkan fakta-fakta tertentu seperti bilangan syarikat atau pakar yang terhad.

Bagi projek-projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara "Greater Kuala Lumpur/Klang Valley", belum ada lantikan syarikat melalui tender terbuka bagi kerja-kerja pembinaan. Ini kerana kebanyakan projek- projek masih dalam proses perancangan. Setakat ini, hanya lantikan juru perunding telah dilakukan, manakala proses tender baru bermula bagi projek MRT dan projek loji rawatan kumbahan di bawah "River of Life".

SOALAN NO.:

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISA
N
DARIPADA Y.B. TUAN HAJI CHE UDA
KAWASAN BIN CHE NIK
SIK

22 MAC 2011 (SELASA)

TARIKH SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status terkini pelaksanaan pembinaan Lebuh raya Kupang-Durian Burung, Kedah dan bilakah projek ini dijangkakan siap sepenuhnya.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pembinaan projek jalan Raya Durian Burung/Pedu/Gubir/Kupang atau lebih dikenali sebagai Trans Eastern Kedah Interland Highway (TEKIH) telah dimulakan pada tahun 2005 sepanjang 115 kilometer. Projek bernilai RM442.5 juta ini dibahagikan pelaksanaannya kepada 2 pakej, iaitu Pakej A sepanjang 75 kilometer iaitu dari Durian Burung ke Pedu, dan Pakej B yang dibahagikan lagi kepada 5 segmen sepanjang 40 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2010 hampir keseluruhan pelaksanaan projek telah disiapkan secara berperingkat-peringkat, kecuali projek yang melibatkan pembinaan jalan di Pakej B: Segmen C dan D, iaitu dari Pedu ke Sg. Chapar dan Sg. Sok ke Weng sepanjang yang gagal disiapkan mengikut jadual oleh pihak kontraktor yang terlibat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak bagi kerja-kerja di Segmen C telah ditamatkan secara persetujuan bersama (*mutual termination*) pada 17 Julai 2010 manakala Segmen D pula pada 9 Ogos 2010. Penamatan secara persetujuan bersama bagi kedua-dua kontrak itu disebabkan pihak kontraktor tidak mampu lagi untuk meneruskan pelaksanaan projek ini berikutan dari masalah aliran tunai (*cashflow*) akibat faktor kenaikan harga

JAWAPAN:

bahan binaan di pasaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang dalam proses akhir untuk melantik kontraktor penyiap bagi meneruskan pelaksanaan kedua-dua projek berkenaan. Sehubungan itu, kerja-kerja di tapak dijangka akan dapat disambung semula selewat-lewatnya pada bulan Jun 2011 dengan tempoh siap kerja selama 18 bulan, iaitu dari tarikh kontraktor penyiap mula memasuki tapak.

Sekian. Terima kasih.